SELANGOR KINI

www.selangorkini.my Media_Selangor
selangortv.my MediaSelangor

PERCUMA 28 Februari - 6 Mac 2018, 12 - 18 Jamadilakhir 1439

SMART SELANGOR

SAMAN PUNCAK NIAGA BATAL
MUKA 2

KECAM SELEPAS ISU IJOK SELESAI
MUKA 3

AGENDA SMART SELANGOR TERUS LAKAR KEJAYAAN
MUKA 5

LIMA PRODUK SEDIA TEMBUSI PASARAN GLOBAL MUKA 7

Mohamed Azmin sempat meluangkan masa bertemu pesakit yang dirawat di Institut Jantung Negara ketika pelancaran Skim Rawatan Jantung Selangor

Foto oleh Hafiz Othman

IJN rakan strategik

JANTUNG DIPEDULI

OLEH **NORHAYATI UMOR**

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri terus proaktif dalam memberikan kesihatan bersepadu kepada rakyatnya menerusi skim terbaru, Skim Rawatan Jantung Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, langkah itu bagi membantu pesakit jantung menerima rawatan terbaik memandangkan kos rawatan semakin meningkat ketika ini.

"Dalam tempoh 25 tahun, Institut Jantung Negara (IJN) berjaya membuktikan keupayaan dan kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan juga rawatan jantung yang berkualiti serta *affordable* kepada semua rakyat Malaysia.

"Atas kejayaan ini, IJN kini berdepan permintaan yang tinggi daripada pesakit jantung, dari dalam dan luar negara.

"Manakala, pesakit berpendapatan rendah dan sederhana menghadapi masalah *accessibility* memandangkan kos rawatan kesihatan semakin meningkat," katanya di Majlis Pelancaran Skim Jantung Selangor, di IJN, di sini, pada 26 Februari lalu.

Sehubungan itu, Mohamed Azmin berkata, pihaknya mengambil inisiatif untuk membantu pesakit Selangor khususnya dalam kalangan B40 dan M40 untuk mendapatkan perkhidmatan serta rawatan jantung berkualiti yang dibiayai Kerajaan Negeri sebagai sebuah kerajaan peduli rakyat.

"Saya difahamkan, pada masa ini terdapat hampir 20,000 pesakit jantung yang sedang menunggu giliran untuk mendapat rawatan, dari Selangor.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) meluluskan RM10 juta bagi tahun 2018 untuk membiayai skim ini dengan menjalin kerjasama dengan IJN sebagai rakan strategik," katanya.

Beliau berkata, skim itu adalah sebahagian daripada langkah proaktif Kerajaan Negeri melaksanakan Skim Penjagaan Kesihatan Bersepadu (*integrated healthcare scheme*) bagi memperluaskan skop perkhidmatan kesihatan berkualiti untuk rakyat Selangor.

Menerusi Belanjawan Selangor 2018, Mohamed Azmin mengumumkan peruntukan RM10 juta untuk membantu 500 pesakit jantung, di negeri itu.

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Penstrukturan semula industri air

Mahkamah batal saman Puncak Niaga

OLEH **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali bersama bekas Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan Kerajaan Negeri berjaya membatalkan saman hampir RM14 bilion yang difailkan Puncak Niaga Holdings Bhd (Puncak Niaga) berhubung penstrukturan semula industri air Selangor.

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Akhtar Tahir membenarkan permohonan mereka selepas mendapati pernyataan tuntutan plaintif (Puncak Niaga) adalah cacat, pada 22 Februari lalu.

Dalam penghakiman ringkasnya, Akhtar antara lain berkata, pernyataan tuntutan dikemukakan dalam setiap tindakan di mahkamah perlu mengandungi semua fakta penting berdasarkan kaedah-kaedah mahkamah.

Dalam kes itu, beliau bagaimanapun mendapati plaintif gagal menyediakan pernyataan tuntutan yang mematuhi kaedah-kaedah mahkamah.

"Butiran yang tidak sepatutnya diperakukan sudah diperakukan di dalam pernyataan tuntutan sementara butiran penting yang sepatutnya diperakukan tidak diperakukan, di dalam pernyataan tuntutan.

"Lebih memburukkan keadaan, perakuan anda (plaintif) sendiri bercanggah antara satu sama lain," katanya.

Akhtar turut memerintahkan Puncak Niaga membayar kos RM25,000 kepada setiap defendan selain mahkamah menetapkan 13 Mac ini untuk keputusan berhubung tuntutan balas Mohamed Azmin terhadap Puncak Niaga.

Peguam Lau Mark Chi Ming hadir bagi pihak plaintif sementara Mohamed Azmin diwakili peguam Latheefa Koya, Kerajaan Negeri diwakili Penasihat Undang-undangnya, Datuk Nik Suhaimi Nik Sulaiman dan Abdul Khalid diwakili peguam New Sin Yew.

Sambutan Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina meriah

PETALING JAYA - Masyarakat berbilang kaum hadir memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Sempena Perayaan Tahun Baharu Cina Peringkat Selangor 2018, di Dataran Petaling Jaya, pada 24 Februari lalu.

Lebih manis, sambutan turut dihadiri Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin yang berkenan mencemar duli menyempurnakan majlis tahunan itu.

Turut berangkat ke majlis, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan Exco Kerajaan Negeri, Dato' Teng Chang Khim yang hadir mewakili Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Hadir sama, pimpinan utama Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya, Hannah Yeoh, Dato' Iskandar Abdul Samad, Elizabeth Wong, Zaidy Abdul Talib dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Dato' Hasan Azhari Idris.

Pada masa sama, baginda diiringi Tengku Permaisuri Norashikin dan Tengku Amir Shah turut berkenan mencemar duli menggaul sajian makanan tradisional masyarakat Tiong Hua, *Yee Sang,* sebagai simbolik keterbukaan perpaduan juga permuafakatan masyarakat Cina di Selangor selain kelaziman tradisi masyarakat Cina, di negara ini.

Majlis turut menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan dipersembahkan kepada umum antaranya persembahan kesenian Tarian Diabolo, Gu Zheng dan Violin, Tarian Singa dan pemberian *ang pow* kepada kanak-kanak bawah 12 tahun.

Terdahulu, program berkenaan dianjurkan Kerajaan Negeri Selangor, Jawatankuasa Tetap Kebudayaan Negeri Selangor, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Tourism Selangor dan agensi kerajaan.

Kesihatan aspek kesejahteraan rakyat

Mohamed Azmin menyampaikan dokumen Skim Rawatan Jantung Selangor kepada penerima yang layak di Institut Jantung Negara

KUALA LUMPUR - Kerajaan Negeri akan terus komited untuk meningkatkan akses kepada penjagaan kesihatan asas yang berkualiti untuk rakyat, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri memperkenalkan Skim Peduli Sihat bagi menangani masalah penyakit tidak berjangkit atau Non-Communicable Diseases (NCDs) selepas melaksanakan Program Dialisis dan Pemeriksaan Mammogram.

Katanya, program berkenaan mendapat pengiktirafan Persatuan Perubatan Malaysia dan disambut dengan gemuruh dalam kalangan rakyat menerusi pelbagai inisiatif itu.

"Sehingga 20 Februari lalu, lebih 300,000 keluarga atau 1.2 juta rakyat berjaya menerima manfaat Skim Peduli Sihat.

"Jumlah ini melepasi sasaran awal iaitu 250,000 keluarga atau sejuta orang," katanya pada Majlis Pelancaran Skim Rawatan Jantung, di Institut Jantung Negara (IJN), di sini, pada 26 Februari lalu.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri akan turut memberi fokus kepada Skim Penjagaan Kesihatan Bersepadu yang diperluaskan dengan pelaksanaan Skim Rawatan Jantung Selangor, suntikan vaksin termasuk pneumokokal, penjagaan kesihatan mental, perkhidmatan penjagaan paliatif bagi pesakit kanser serta insuran kesihatan untuk penjawat awam dan pesawah.

"Pembabitan Kerajaan Negeri dalam sektor kesihatan berdasarkan keyakinan bahawa kesihatan adalah satu aspek penting dalam kesejahteraan manusia.

"Seperti yang diungkapkan oleh Publlius Syrus iaitu *good health and good sense are two of life's greatest blessings*," katanya.

Beliau berkata, usaha itu bagi memastikan kesihatan warga Selangor terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

"Rakyat aset terpenting kepada negeri. Kita yakin, peningkatan kesihatan rakyat akan menjamin peningkatan produktiviti.

"Selangor akan kekal menjadi negeri termaju di Malaysia dalam usaha menuju sebuah negeri pintar serta berteknologi tinggi, di rantau ini," katanya.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Kerajaan Negeri kembalikan hak

Tanggungjawab bantu peneroka

OLEH **NORHAYATI UMOR**

KUALA LUMPUR - Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, mahu peneroka tanah Ijok bangkit dan menolak kepimpinan Barisan Nasional (BN) Kuala Selangor yang tidak bertanggungjawab serta berpihak kepada pemaju dalam isu penyelesaian tanah, di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, hal itu terbukti apabila parti berkenaan tidak mahu masalah peneroka terbabit diselesaikan, bahkan BN bangkit dan menyerang untuk menghalang penyelesaian itu dilaksanakan apabila Kerajaan Negeri berjaya menyelesaikan masalah terbabit.

"Hari ni, terbukti Umno-BN tidak mahu masalah peneroka diselesaikan. Saya mencabar Ahli Parlimen Kuala Selangor. Apa yang beliau lakukan untuk mewakili peneroka Kuala Selangor? Maka, peneroka perlu bangkit menolak pemimpin seperti ini yang lebih berpihak kepada pemaju dan tidak bertanggungjawab.

"Ini menyerlahkan perwatakan pemimpin Umno yang lebih suka melihat peneroka menderita berpuluh tahun," katanya selepas Majlis Pelancaran Skim Rawatan Jantung Selangor, di Institut Jantung Negara, di sini, pada 26 Februari lalu.

Mohamed Azmin

Beliau juga turut menyifatkan tindakan mantan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, sebagai tidak bertanggungjawab.

"Merampas tanah bukan penyelesaian. Apa yang dilakukan Abdul Khalid adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab kerana tidak membantu menyelesaikan masalah peneroka, sedangkan mereka menggunakan titik peluh membangun dan menyuburkan tanah.

"Apabila Abdul Khalid mengambilalih pun, beliau sendiri tidak mampu menyelesaikan masalah legasi yang berlarutan hampir 20 tahun," katanya.

Pada masa sama, katanya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sudah menjalankan siasatan, bermula tahun lalu.

"Kita bersedia memberi maklumat tambahan atau kerjasama yang diperlukan supaya kebenaran akan terserlah. Tanggungjawab Kerajaan Negeri adalah untuk membantu menyelesaikan masalah peneroka bukan berpihak kepada pemaju yang sekadar mencari untung.

"Peneroka sendiri sudah memberi kenyataan terbuka kepada media bagaimana mereka merasa pentadbiran Kerajaan Negeri hari ini mengambil tanggungjawab untuk mengembalikan hak sebagai peneroka," katanya.

Terima pampasan dan aset RM630,000

IJOK - Kerajaan Negeri berjaya memberi wang pampasan dan aset keseluruhan berjumlah RM630,000 kepada 987 daripada 1063 peneroka tanah, di sini.

Pengerusi Ahli Jawatankuasa Bertindak Rumah Terbengkalai Alam Mutiara dan Alam Utama Bukit Cerakah, Umar Ali Bashah berkata, peneroka menerima wang pampasan berjumlah RM180,000 serta sebuah rumah teres dua tingkat seluas 20x70 dengan binaan 1,750 kaki persegi membabitkan harga RM250,000.

Umar Ali Bashah

Katanya, rumah terbabit bernilai tidak kurang RM450,000 menjadikan wang pampasan dan aset keseluruhan yang diterima peneroka berjumlah RM630,000 selepas kediaman itu siap.

"Impian kami untuk mendapatkan rumah kini menjadi nyata dan sekarang hanya menunggu rumah disiapkan dalam tempoh 24 bulan seperti dijanjikan.

"Amat gembira dan bersyukur kerana impian untuk mendapatkan pemaju berwibawa seperti Paragon Pinnacle Adn Bhd iaitu anak syarkat Eco World Development Sdn Bhd yang membeli 2,200 ekar perbandaran Alam Mutiara dan Alam Utama untuk membangunkan kawasan ini diambil kira serta diperkenankan semua pihak," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, Umar turut menggesa peneroka yang termakan hasutan Barisan Nasional (BN) berhenti memainkan isu tanah lagi kerana ia politik murahan yang cuma menjatuhkan Kerajaan Negeri.

"Mereka harus bersyukur kerana sudah mendapat pampasan dan rumah yang dijanjikan Kerajaan Negeri. Nilai itu sama seperti dalam perjanjian yang kita tandatangani bersama.

"Namun, masih ada mempertikaikan harga tanah yang dijual mahal dengan nilai RM1.18 bilion tetapi mereka tak tahu Kerajaan Negeri juga perlu menanggung segala hutang bank dan pinjaman berlesen berpunca daripada pentadbiran Umno-BN dahulu selain membayar pampasan serta membina rumah bernilai hampir RM300 juta," katanya.

Selain itu, katanya, pengambilan tanah sehingga 1,000 ekar bagi perbandaran Alam Perdana oleh Kerajaan Negeri diakui sah daripada semua pihak tanpa perlu membayar sebarang kos dan perbelanjaan tambahan.

"Semua pihak yang berkaitan seperti bank dan kontraktor mendapat jaminan balik semua hutang melalui hasil penjualan tanah 2,200 ekar daripada pemaju lama kepada pemaju kini yang didukung peneroka.

"Akhirnya, semua sekatan perundangan ke atas perbandaran Alam Perdana, Alam Mutiara dan Alam Utama dapat dirungkai bagi membolehkan kawasan itu dimajukan demi kemakmuran negeri juga rakyat," katanya.

Dr Dzulkefly (tiga dari kiri) bersama peneroka tanah di Ijok ketika sidang media, baru-baru ini

Selesai secara menang-menang

SHAH ALAM - Penyelesaian isu tanah di mukim Ijok bukan sahaja melegakan 980 keluarga peneroka yang menerima pampasan tunai RM180,000 dan rumah RM400,000 sebaliknya turut memberi kelebihan kepada Kerajaan Negeri.

Penyelaras Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, penyelesaian menang-menang itu membolehkan Kerajaan Negeri mendapat habuan 1,000 ekar tanah dengan nilai pasaran dianggarkan RM750 juta.

"Peneroka gembira dengan bayaran tunai dan akan mendapat rumah impian mereka bernilai RM450,000 apabila siap.

"Oleh kerana komitmen Dato' Menteri Besar kepada penyelesaian yang baik itu, Kerajaan Negeri juga mendapat habuan 1,000 ekar dan anda nilai sendiri penyelesaian antara mantan juga penyandang Menteri Besar sekarang ini secara adil," katanya dalam kenyataan, baru-baru ini.

Mengulas dakwaan dilemparkan kepada Kerajaan Negeri, Dr Dzulkefly menyifatkannya sebagai fitnah apabila pihak terbabit gagal menyelesaikan isu yang berlarutan, sejak sekian lama.

Katanya, Umno-Barisan Nasional (BN) melalui Pengarah Strategi dan Komunikasinya, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, jelas tidak memahami 'global formula' yang bersifat menang-menang untuk semua pihak termasuk peneroka serta pemaju yang diguna pakai Kerajaan Negeri.

Pada masa sama, Dr Dzulkefly berkata, formula penyelesaian Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim boleh mengundang risiko dengan terpaksa membayar ratusan juta ringgit kepada pemaju berdasarkan kadar komersial seperti kes kejayaan Maybank menyaman Kerajaan Negeri dalam rampasan tanah sama.

"Agak lucu kerana seorang korporat tidak tahu yang bank sudah memberi kredit atau pinjaman punya hak yang tidak boleh diatasi atau dikalahkan (*indefeasible charge*) ke atas tanah itu. Mereka berhak melelong tanah itu untuk mendapatkan berbilion ringgit pinjaman yang diberikan kepada pemaju kroni tadi dan nyata Abdul Khalid tidak langsung menghitung kemaslahatan dan risiko peneroka yang akan hilang segala hak," katanya.

Beliau berkata, kemenangan Kerajaan Negeri di mahkamah sebelum ini hanya disebabkan kelemahan teknikal pihak pemaju yang melepasi 40 hari rayuan.

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyampaikan hadiah kepada Ruzana yang dinobatkan johan qariah

Ruzana pertahan kejuaraan

SEPANG - Johan menunggu, Nor Ruzana Natiah Jaafar mempertahankan kejuaraan dimenanginya tahun lalu apabila diumumkan pemenang qariah Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1439H/2018M, pada 23 Februari lalu.

Pertandingan itu diadakan di Dewan Serbaguna Masjid Raja Fi Sabilillah Cyberjaya pada majlis yang ditutup secara rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Wakil Hulu Langat yang pernah meraih naib juara peringkat kebangsaan tahun lalu itu diumumkan sebagai pemenang selepas mengumpul markah 92.5 peratus.

Bagi kategori qari pula, wakil Gombak, Abdul Khair Jalil, dinobatkan sebagai juara apabila memperoleh 88.5 peratus.

Manakala bagi kategori menghafaz Al-Quran tahap tiga, 1 hingga 30 juzuk lelaki, Mohd Amir Khairul Anuar dari Hulu Selangor diumumkan juara apabila memperoleh 98.58 peratus.

Bagi kategori sama, wakil Kuala Langat, Siti Hajar Nabilah Mohd Darha, menjuarai bahagian perempuan dengan markah sebanyak 95.53 markah.

Pemenang bagi empat kategori terbabit membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000, pakej umrah, sijil penyertaan dan piala iringan.

Turut menjuarai kategori masing-masing, Luqman Fahim Ismail bagi tahap 1 lelaki (kategori 1 hingga 10 juzuk) dan pemenang bahagian perempuan, Azzah Abd Rahim.

Smart Selangor First Home Buyers

Bantu rakyat bayar pendahuluan

OLEH **HAFIZAN TAIB**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyediakan Skim *Smart Selangor First Home Buyers* bagi mengatasi masalah pembiayaan wang pendahuluan 10 peratus membeli rumah dihadapi rakyat.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar, Dato' Iskandar Abdul Samad berkata, Kerajaan Negeri memandang ia sebagai masalah besar ekoran kebanyakan rakyat tidak mempunyai simpanan peribadi bagi tujuan berkenaan.

"Kita mewujudkan skim ini bagi membantu mereka yang mendapat pinjaman membeli rumah tetapi menghadapi masalah pendahuluan 10 peratus.

"Kerajaan Negeri berharap dapat membantu lebih ramai rakyat Selangor memiliki kediaman sendiri," katanya kepada media selepas perasmian program itu di SACC Mall, pada 24 Februari lalu.

Beliau berkata, skim itu berjaya direalisasikan dengan Kerajaan Negeri menyelesaikan beberapa perkara berkaitan perundangan selepas ia diuar-uarkan, kira-kira dua tahun lalu.

Katanya, PKNS dipertanggungjawabkan bagi melaksanakannya dan Yayasan Hijrah Selangor pula sebagai pihak yang menyalurkan pinjaman dan memungutnya kembali.

"Ketika ini, kita fokus kepada rumah dimajukan PKNS serta anak syarikat Kerajaan Negeri dan sekiranya ia mencapai kemajuan mungkin kita akan perluaskan kepada projek perumahan lain.

"Kerajaan Negeri meluluskan peruntukan RM15 juta bagi menjayakannya," katanya.

Iskandar berkata, pelaksanaan skim itu juga menolak dakwaan pihak tertentu berhubung kegagalan projek Rumah Selangorku.

Katanya, antara projek Rumah Selangorku disiapkan dan dalam pembinaan ialah Antara Gapi dan Taman Keruing Rasa di Hulu Selangor; Kota Puteri, Kampung Bunga Raya dan Kampung Sri Temenggong di Gombak; Kampung Jawa, di Klang dan Seksyen U5, Shah Alam.

Iskandar ditemani Dr Noraida melihat model rumah pada Program kasih PKNS merakyatkan Ekonomi Selangor & Koleksi Hartanah PKNS

"Pembeli mendapat kelulusan bagi pinjaman 90 peratus membeli Rumah Selangorku boleh membuat permohonan bagi pinjaman skim ini," katanya.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Datin Paduka Dr Noraida Mohd Yusof dan Ahli Perbadanan PKNS, Shamsul Iskandar Md Akin.

Kempen Bebas Plastik, rakyat lebih bijak

SHAH ALAM - Rakyat Selangor tidak mudah terpengaruh dengan sogokan Barisan Nasional (BN) kononnya akan mengkaji semula dasar penggunaan beg plastik sekiranya menang pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, rakyat kini semakin prihatin terhadap isu alam sekitar dan memahami keperluan untuk mengurangkan penggunaan beg plastik hasil daripada kempen Bebas Plastik.

Katanya, kesan positif pelaksanaan kempen itu boleh dilihat apabila air sungai yang kini lebih bersih.

"Manakala, kutipan beg plastik terbuang dalam Sungai Klang juga semakin berkurangan, sekali gus menyebabkan pelbagai fauna seperti memerang dan buaya juga muncul.

"Kenyataan Pengerusi Umno, bahawa BN akan mengkaji semula dasar itu menunjukkan bahawa pembangkang negeri sudah ketandusan isu dan idea," katanya dalam kenyataan.

Elizabeth berkata, kempen terbabit selaras dengan prinsip *fastabiqul khairat* (berlumba-lumba melakukan kebaikan) seperti diamalkan Dato' Menteri Besar.

"Selangor adalah salah satu negeri yang sedang berlumba-lumba untuk mengurangkan penggunaan beg plastik, di Malaysia.

"Ia termasuk beberapa negeri yang ditadbir BN seperti Wilayah Persekutuan, Melaka dan Johor," katanya.

Terdahulu, Tan Sri Noh Omar berkata, dasar yang dilaksanakan Kerajaan Negeri itu hanya menyusahkan rakyat dan menguntungkan sesetengah pihak.

SELANGOR KINI
SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB
KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus
PENGARANG : Nurul Farina Nazlan
PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera
WARTAWAN:
Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,
Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,
Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,
Ermizi Muhamad : noraizie@mediaselangor.com
Sabirah Aziz : maizaitul@mediaselangor.com
Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:
Nadhrah Azlan : nadhrah@mediaselangor.com I 03-5523 4856 (ext 117)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Hafiz Othman
GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Hasil positif projek perintis dan pelaksanaan program

Agenda Smart Selangor terus lakar kejayaan

OLEH **HAFIZAN TAIB**

AGENDA Smart Selangor yang diperkenalkan Kerajaan Negeri terus menempa kejayaan sejak dimulakan dua tahun lalu dengan hasil positif menerusi projek perintis dan pelaksanaan beberapa program.

Berikutan kejayaan itu, Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) akan terus memantap dan memperluaskannya dengan menjayakan beberapa program serta sistem tambahan berdasarkan perancangan ditetapkan.

Timbalan SSDU, Dr Fahmi Ngah berkata, pihaknya yakin matlamat Kerajaan Negeri bagi mewujudkan *Smart State* di Selangor menjelang 2025 akan beroleh kejayaan dengan perkembangan positif itu.

"Smart Selangor bermula pada penghujung 2015 hasil cetusan idea Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, bagi mencapai sasaran itu.

"Saya kira, ia tidak mustahil kerana di sini lambakan penduduk paling *smart* di Malaysia selain memiliki kira-kira 40 institusi pengajian dan Pendapatan Negara Kasar (GNI) dalam kalangan rakyat pula paling tinggi di Lembah Klang selain diyakini rakyat bersedia untuk tujuan berkenaan.

"Maka, Kerajaan Negeri perlu mewujudkan beberapa infrastruktur bagi memastikan keberkesanan dalam sistem penyampaian," katanya.

Bagi mencapai sasaran itu, beliau berkata, SSDU akan membangunkan beberapa sistem dan aplikasi untuk membolehkan Kerajaan Negeri menjalinkan hubungan dengan semua pihak juga agensi sedia ada di negeri itu selain meneroka bidang baru bagi kemajuan Selangor.

> **"Smart Selangor berjaya dalam melaksanakan program ini dengan galakan untuk orang ramai menggunakan sistem pengangkutan awam. Berdasarkan rekod, perkhidmatan bas Smart Selangor sudah digunakan lebih kurang 10 juta pengguna, pada akhir tahun lalu**
>
> **DR FAHMI NGAH**
> Timbalan Pengarah
> Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)

WUJUDKAN K-ECONOMY DAN JALINAN PERHUBUNGAN

Antara ditekankan dalam perkara itu, katanya, adalah mewujudkan *k-economy* iaitu perlu ada satu sistem infrastruktur yang dapat membekalkan maklumat dengan lebih pantas dan tepat bagi penerokaan bidang baru itu.

"Kita juga perlu mewujudkan jalinan perhubungan (*connectivity*) secara digital menerusi rangkaian internet lebih laju juga percuma untuk rakyat berhubung serta berkomunikasi dan mewujudkan kerajaan lebih responsif iaitu peka kepada situasi semasa juga keperluan rakyat seperti menitikberatkan kebajikan melalui Inisiatif Peduli Rakyat yang dijalankan.

"Dengan keberkesanan tiga teras ini, ia akan menghasilkan kualiti hidup lebih baik dalam kalangan masyarakat di Selangor dan membuka peluang penjanaan pendapatan baru untuk Kerajaan Negeri

"Ini kerana, kebergantungan Kerajaan Selangor kepada hasil negeri adalah lebih kurang 70 hingga 80 peratus melalui hasil tanah dan ia terhad berdasarkan harga pasaran semasa," katanya.

Pada tahun lalu, katanya, SSDU bekerjasama dengan pengguna *Waze* yang dimulakan pada 2016 serta pengangkutan Bas Smart Selangor dengan kewujudan aplikasi *Selangor Intelligent Transport Systems* (SITS).

Waze digunakan secara meluas dengan 2.5 juta daripada empat juta pengguna adalah di Selangor dan pelaksanaannya memudahkan masyarakat berhubung juga menyalurkan maklumat kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi berkaitan, di negeri itu.

Aplikasi *Waze* diwujudkan di lima PBT di Selangor bagi memantapkan sistem perhubungan dan proses penampalan jalan raya yang kini diperluaskan mulai tahun lalu ke semua PBT di negeri itu termasuk Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri juga persekutuan serta konsesi lebuh raya.

SITS BANTU PENGGUNA DAPAT MAKLUMAT TEPAT

Melalui sistem SITS pula, Dr Fahmi berkata, pengguna boleh mendapatkan maklumat secara tepat berhubung perkhidmatan Bas Smart Selangor dan jumlah pengguna yang menggunakannya semakin meningkat dari semasa ke semasa, sejak ia dilancarkan.

"Smart Selangor berjaya dalam melaksanakan program ini dengan galakan untuk orang ramai menggunakan sistem pengangkutan awam. Berdasarkan rekod, perkhidmatan bas Smart Selangor sudah digunakan lebih kurang 10 juta pengguna, pada akhir tahun lalu," katanya.

Sebelum itu, Kerajaan Negeri menerusi SSDU mengeluarkan *blueprint* berkaitan Smart Selangor pada 2016 dengan empat projek perintis yang dimulakan dengan pembersihan Sungai Klang dan perkhidmatan pengurusan pembersihan sampah juga sisa pepejal di Majlis Perbandaran Klang serta diperluaskan ke Majlis Perbandaran Selayang yang juga Majlis Perbandaran Ampang Jaya, tahun lalu.

Bagi terus memperkukuhkan sistem sedia ada, SSDU turut membangunkan aplikasi tambahan Cool Selangor iaitu *Community Opinions On-Line* iaitu melaluinya Kerajaan Negeri akan dapat menjalin hubungan secara terus dengan rakyat.

Dr Fahmi berkata, Kerajaan Negeri dapat menyalurkan pelbagai maklumat berhubung perkhidmatan dan program dijalankan yang membolehkan masyarakat memperoleh akses dengan lebih mudah menerusinya.

"Masyarakat boleh mendapat maklumat lebih cepat berhubung program IPR termasuk aktiviti wakil rakyat, di kawasan mereka. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi ini bagi memudahkan mereka menggunakan perkhidmatan disediakan," katanya.

Antara perancangan lain, katanya, SSDU merancang mewujudkan Perhentian Bas Smart Selangor untuk keselesaan dan kegunaan orang ramai.

Selain itu, sistem *Smart Selangor Parking* juga akan diwujudkan iaitu orang ramai membayar menggunakan satu aplikasi dan boleh digunakan di semua PBT di Selangor selain sistem *cashless* iaitu wang tunai tidak digunakan bagi tujuan perkhidmatan juga perniagaan.

"Selangor sedang berusaha merealisasikan *Smart State* dengan sistem dibangunkan dan diyakini mampu mencapai matlamatnya berbanding negara lain yang hanya membabitkan pembangunan di peringkat *Smart City*," katanya.

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Pelan Induk Pembangunan Pertanian Selangor

Pacu kemajuan usahawan

OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Usahawan Agro Generasi Muda Negeri Selangor (AGROGEMS) dan Industri Asas Tani (IAT) disaran bersedia merangka strategi pertanian selari dengan Pelan Induk Pembangunan Pertanian Selangor yang akan dibentangkan dalam masa terdekat.

Exco Permodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, pelan induk itu merangkumi pelbagai strategi bagi memastikan bekalan makanan di Selangor berada dalam keadaan baik.

Katanya, menerusi cadangan dan dapatan kajian dilakukan secara langsung memberikan manfaat serta membuka peluang kepada pemain industri pertanian.

"Antara intipati kajian terbabit adalah meningkatkan usahawan tanaman berkonsepkan fertigasi, mengatasi masalah kos makanan untuk ternakan dan program membantu mengurangkan kebergantungan mendapatkan baka serta benih ikan.

"Saya memandang serius berkenaan tindakan berterusan, pelaksanaan program dan hasil dapatan daripada kajian itu.

"Diharapkan kajian itu dapat diguna pakai semua jabatan berkaitan dan tidak tinggal kajian semata-mata," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucaptama sempena Malam Apresiasi Usahawan Agrogems dan Industri Asas Tani Negeri Selangor 2018 di Dewan Orkid, Wisma Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS), pada 23 Februari lalu.

Program AGROGEMS memasuki tahun keempat menerusi penganjuran empat siri seminar sejak 2015 hingga 2017 membabitkan 1,100 golongan generasi muda menceburi bidang pertanian sebagai sumber pendapatan dan ekonomi utama.

Setakat ini, Kerajaan Negeri sudah menyalurkan hampir RM1.5 juta kepada 103 penerima terdiri daripada usahawan tani pelbagai bidang.

"Menerusi pemantauan dilakukan jabatan, seramai 65 penerima menunjukkan kesan positif melalui data hasil jualan dengan peningkatan sehingga 63 peratus berbanding sebelum menerima bantuan peralatan.

"Hanya enam peratus sahaja yang gagal disebabkan faktor tanah tidak disambung penyewaan dan sebab lain bagi tempoh Program AGROGEMS 2015 hingga 2016," katanya.

Pada majlis sama, Zaidy turut berbesar hati menyampaikan anugerah cemerlang kepada 13 usahawan pelbagai bidang yang membawa pulang hadiah RM10,000 dalam bentuk barangan peralatan pertanian.

Zaidy (tengah) bergambar kenangan bersama barisan penerima Anugerah Usahawan Harapan AGROGEMS

Penat lelah industri makanan bawa pulangan lumayan

SHAH ALAM - Peluang menjana pendapatan lumayan, di samping memenuhi keperluan asas industri makanan negara menjadi faktor tarikan buat usahawan Agro Generasi Muda Negeri Selangor (AGROGEMS), Siti Nurnajwa Nazeri menceburi bidang pertanian.

Walaupun pernah bekerja dalam industri cari gali minyak dan gas hampir dua tahun, minat mendalam terhadap industri pertanian menyaksikan kejayaan beliau mengusahakan Projek Pertanian Fertigasi dan Konvensional bagi Tanaman Cili, Timun dan Peria, sejak tiga tahun lalu.

"Industri Pertanian penting terutama bagi menyediakan keperluan makanan untuk semua peringkat.

"Cabaran saya sebagai usahawan adalah untuk mengeluarkan lebih banyak hasil bagi memastikan harga pasaran stabil. Jika berlaku kekurangan, harga akan naik," katanya.

Katanya, beliau memilih tanaman fertigasi kerana ia memerlukan tenaga kerja yang rendah selain kecanggihan teknologi bagi meningkatkan hasil keluaran.

Penerima Anugerah Usahawan Harapan AGROGEMS, Jabatan Pertanian Negeri Selangor 2018 mempunyai tanaman 13,000 polibeg di atas tanah seluas 3.8 ekar dengan hasil keluaran 0.8 tan sehari untuk keperluan pasaran tempatan.

Mohd Asmeezee Abdul Rahman

Siti Nurnajwa yang memulakan bidang pertanian secara sambilan berkata, beliau kini dalam proses mengembangkan pertanian ke arah tanaman jagung manis seluas tiga ekar.

Bagi penerima Anugerah Prestasi Terbaik AGROGEMS Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Mohd Asmeezee Abdul Rahman, bantuan diterima sejak menyertai program AGROGEMS berjaya mengembangkan penternakan ayam kampung diusahakan bersama keluarga, sejak 2015.

"Pada 2016, saya mendapat bantuan penambahbaikan reban daripada Jabatan Veterinar.

"Dahulu, reban yang ada mampu menampung 200 ayam kampung dan kini meningkat kepada 1,000 di kawasan ternakan berkeluasan suku ekar," katanya.

Katanya, ayam kampung perlu mencapai berat minima 900 gram dan tidak melebih 1.5 kilogram (kg) untuk dipasarkan kepada pelanggan.

Beliau berkata, jika ayam kampung mempunyai berat melebihi 1.5 kg, maka dia akan mengalami kerugian daripada segi makanan dan boleh mengurangkan hasil jualan.

Menyentuh soal kebersihan reban, beliau menggunakan teknologi *Effective Microorganisme* bagi mengawal pencemaran bau.

Mohd Asmeezee yang masih bekerja sebagai pelukis pelan berhasrat untuk mengembangkan perniagaannya dalam sektor penyediaan ayam berempah dan sejuk beku bagi memantapkan lagi keperluan pasaran tempatan.

Johor lihat *best practises* SSCC

SHAH ALAM - Rombongan Angkatan Pertahanan Awam Johor dan SUK Johor ke Smart Selangor Command Centre (SSCC) memberi peluang pihak terbabit melihat sendiri *best practises* di dalam pengurusan bencana yang diamalkan Selangor.

Rombongan itu disambut Ketua Penolong Setiausaha, Unit Pengurusan Bencana (UPB) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Ahmad Fairuz Mohd Yusof.

Ahmad Fairuz menyifatkan lawatan itu penting bagi membincangkan sebarang kolaborasi atau kerjasama yang boleh dijalin untuk menyelaraskan pentadbiran berkenaan pengurusan bencana.

"Lawatan ini juga bertujuan untuk mengenali dengan lebih lanjut operasi dan mempelajari kaedah pengurusan bencana, di pusat itu.

"SSCC digunakan khususnya SSDU untuk memantau dan mengumpul data Bas Smart Selangor, pengurusan sisa pejal, laporan lubang jalan, WiFi Smart Selangor dan beberapa inisiatif lain," katanya.

Selain memberi penerangan berhubung *Smart Disaster Management* iaitu salah satu daripada 12 *domain* Smart Selangor, Ahmad Fairuz juga sempat memberi penerangan berhubung inisiatif Smart Selangor yang bakal dilaksanakan pada tahun ini antaranya *e-wallet* dan *smart parking*.

SSCC yang beroperasi sejak Ogos tahun lalu digunakan UPB memantau data seperti aras sungai, radar cuaca seperti banjir, banjir kilat, kebakaran berskala besar dan indeks kualiti udara, di seluruh Selangor.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

Lima produk usahawan Selangor terpilih

Sedia tembusi pasaran global

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

SUBANG JAYA - Lima usahawan muda Selangor bertekad tidak mensia-siakan peluang membawa hasil inovasi mereka menembusi pasaran antarabangsa apabila produk masing-masing terpilih dalam program SAY ASPIRE.

Pengasas dan Ketua Pengarah Eksekutif pengeluar produk yang dinamakan Tanimac, Ridzuan Othman berkata, kejayaannya hari ini membolehkan beliau mendapat bantuan kewangan juga bimbingan teknikal yang betul untuk mengorak langkah ke tahap global.

"Peluang ini bukan senang dapat dan kami percaya mereka ada sistem pembelajaran yang lebih kukuh dan kita perlukan bantuan teknikal juga kewangan daripada agensi seperti MATRADE untuk mengeksport produk," katanya.

Beliau berkata demikian pada program *SAY ASPIRE 2018 – Pitching Session* bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah, di Sunway Resort Hotel & SPA, pada 22 Februari lalu.

Tanimac adalah alat pertanian inovatif berupa alat penyemai benih pelbagai jenis tanaman yang pertama di dunia dan mampu meningkatkan tahap kecekapan pertanian serta mengurangkan kos buruh dengan drastik.

Ridzuan berkata, antara pasaran global menjadi sasaran beliau adalah sekitar Eropah ekoran kos buruh yang tinggi.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat pengeluar produk aiskrim Pops Malaya, Rose Yasmin Abd Karim pula berkata, program yang diilhamkan Tengku Amir Shah itu bakal merealisasikan cita-cita beliau untuk memasarkan produknya ke pasaran global.

"Ini adalah peluang untuk usahawan muda di Selangor, bahkan dengan adanya pelan ini kita berpeluang membawa produk buatan Selangor ke pasaran global kerana jika kita bersendirian mungkin boleh capai tetapi sedikit perlahan berbanding jika bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti ini," katanya.

Berbeza dengan kebanyakan produk sama di pasaran, Pops Malaya adalah aiskrim atau snek sihat yang diperbuat daripada bahan semula jadi tanpa bahan tiruan yang sesuai untuk semua golongan khususnya kanak-kanak.

"Dengan produk kami, ibu bapa boleh beri anak makan tanpa rasa bersalah kerana tidak menjejaskan kesihatan mereka. Kita galakkan pengguna buat pilihan lebih sihat," katanya.

Selain dua syarikat itu, antara usahawan lain yang terpilih adalah produk Dapo iaitu perabot, barangan hiasan dan koleksi peralatan dapur buatan Malaysia dengan konsep jenama gaya hidup hijau.

Sementara dua lagi produk terpilih adalah produk tuala wanita, Athena Empowers dan Medicat produk semburan anti kulat juga anti bakteria khusus untuk haiwan peliharaan yang diperbuat daripada minyak masak terpakai.

PKNS komited budayakan integriti

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menjadi antara agensi perintis terawal dalam kalangan anak syarikat Kerajaan Negeri dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) di Malaysia yang memberikan komitmen penuh terhadap pelaksanaan Sistem Integriti Korporat (CIS).

Ketua Pegawai Operasi PKNS, Norita Mohd Sidek berkata, mekanisme penggerak kepada inisiatif PKNS dalam pembudayaan integriti secara holistik dilihat signifikan menerusi anak syarikat di bawah seliaan agensi terbabit termasuk pihak ketiga.

"Pihak ketiga itu adalah kontraktor, perunding, vendor, syarikat kawalan keselamatan, sub kontraktor bumiputera, dan pembekal turut boleh mengambil peluang ini dengan mengadakan program atau sistem kawalan dalaman bagi membantu mengorak langkah pertama mewujudkan tadbir urus berintegriti serta telus.

"Pelaksanaan amalan integriti dalam tadbir urus turut menyumbang kepada penjimatan kos terhadap organisasi serta peningkatan kualiti kerja dan nilai efisien dalam perkhidmatan," katanya pada program Bicara 'Breakfast Talk INTEGRITI : Penerapan Budaya Integriti melalui Integrity Pact' yang diadakan di Ibu Pejabat PKNS, di sini, baru-baru ini.

Program itu turut menampilkan panelis iaitu Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil; Pengurus Besar Kanan SIRIM, Noráfiza Saim serta Pengarah dan Ketua Penyelaras Program Pemantauan dan Penilaian INTEGRITI, Hamilye Sham Harun, yang turut bertindak selaku moderator.

Sementara itu, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif INTEGRITI, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff berkata, *Integrity Pact* adalah antara langkah yang perlu diambil bagi mengelakkan kemungkinan wujud unsur rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam pelaksanaan setiap projek membabitkan kepentingan rakyat.

Anis Yusal berkata, langkah melaksanakan *Integrity Pact* itu penting bagi mengembalikan keyakinan dan meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap sesuatu badan atau organisasi.

Justeru, penganjuran program bicara 'Breakfast Talk INTEGRITI : Penerapan Budaya Integriti melalui Integrity Pact' membuktikan komitmen tinggi PKNS dalam memperkasakan agenda integriti dalam pengurusan dan tadbir urus organisasi.

Terdahulu, Kerajaan Malaysia menyediakan mekanisme bagi menggalakkan amalan budaya berintegriti tinggi dan nilai etika melalui pelaksanaan Pelan Integriti Nasional (PIN), sejak tahun 2004.

Bagi memastikan usaha itu dilaksanakan secara berkesan, maka inisiatif *Integrity Pact* diwujudkan bagi menjamin tadbir urus korporat yang baik, ketelusan, kebertanggungjawaban dan nilai integriti dipatuhi.

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Kelajuan internet perlu lebih baik

Mengapa 4G di Malaysia lembab?

OLEH **SHEEDA FATHIL**

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan digesa menangani isu kelajuan internet di Malaysia yang dilaporkan tidak setanding negara lain.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil berkata, isu itu perlu ditangani bagi memastikan infrastruktur internet tanpa wayar di negara ini dipertingkatkan seiring Revolusi Perindustrian 4.0.

"Apa dilakukan kerajaan untuk menjamin peningkatan kelajuan perkhidmatan 4G bagi pengguna di Malaysia?

"Pengguna perkhidmatan 4G di negara ini sepatutnya menikmati kelajuan jauh lebih baik berbanding apa yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan laporan The State of LTE, pakar pemetaan liputan tanpa wayar OpenSignal menyatakan purata kelajuan 4G di Malaysia adalah 14.83 megabit per saat (Mbps) dan ia kelajuan terendah antara 88 negara dikaji.

Katanya, ia jauh ketinggalan berbanding negara jiran seperti Singapura yang memiliki kelajuan 44.32 Mbps, Vietnam (21.49 Mbps), Brunei (17.48 Mbps) dan Myanmar (15.56 Mbps).

"Jika benar, ini bukan satu rekod atau pencapaian membanggakan. Ketika Malaysia mempunyai kadar penembusan 4G hampir 75 peratus, kelajuan 4G di negara ini amat mendukacitakan," katanya.

Isu itu perlu ditangani bagi memastikan infrastruktur internet tanpa wayar di negara ini dipertingkatkan seiring Revolusi Perindustrian 4.0

FAHMI FADZIL
Pengarah Komunikasi

Sime Darby Plantation catat keuntungan 40%

SHAH ALAM - Sime Darby Plantation mencatat keuntungan 40 peratus pada suku kedua berakhir 31 Disember lalu menjadikan jumlah RM477 juta berbanding RM341 juta, sebelum ini.

Ia ekoran peningkatan hasil daripada Upstream Malaysia juga penurunan kos kewangan ekoran pinjaman lebih redah.

Pendapatan pula menunjukkan peningkatan daripada RM3.92 billion kepada RM4.08 billion bagi suku sama, pada tahun 2016.

Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusannya, Tan Sri Mohd Bakke Salleh berkata, keuntungan itu dirangsangkan oleh prestasi kumpulan selepas ia mengambil langkah penyenaraian, pada November 2017.

Operasi haluan kami disediakan secara strategik ke arah mencapai inisiatif bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan kos dan keuntungan

MOHD BAKKE SALLEH
Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan Sime Darby Plantation

"Operasi haluan kami disediakan secara strategik ke arah mencapai inisiatif bagi meningkatkan produktiviti, kecekapan kos dan keuntungan," katanya.

Jangan mudah percaya suplemen minda

SHAH ALAM - Kewujudan pelbagai produk makanan tambahan membantu menguatkan IQ atau minda sebenarnya tidak wujud sama sekali.

Pakar Perunding Perubatan dan Nefrologi, Rafidah Abdullah, melalui catatan twitternya berkata, penggunaan produk itu yang semakin meningkat di Malaysia banyak mempengaruhi masyarakat, pada masa kini.

"Hentikan mempercayai produk-produk mengarut untuk kanak-kanak, remaja. Bayi memang sah tak boleh. Jadi, jika nak pandai dan berjaya bukan harapkan produk minda.

"Usaha tangga kejayaan Takkan ada kejayaan akademik atau apapun yang datang bergolek. Produk sebegitu tidak menjadikan mereka pandai. Itu bukan caranya," katanya.

Beliau menyatakan Dr Amalina Bakri sebagai contoh individu yang tidak mengambil sebarang suplemen atau produk sepanjang perjalanannya menuntut ilmu.

"Dia sudah ada tiga ijazah, sekarang tengah berusaha untuk PHD dan bakal menjadi pakar bedah tidak lama lagi. Antara *top surgical trainee,* di United Kingdom.

"Amalina juga antara individu yang sentiasa berusaha dan sangat bekerja keras yang pernah saya kenali. Komitmen dan kesungguhan beliau sangat tinggi serta paling penting, dia tidak mengambil sebarang suplemen atau produk," katanya.

Rafidah turut menasihatkan ibu bapa supaya memberikan dorongan sepatutnya tanpa memberikan produk seumpama itu kepada anak-anak.

"Pengambilan produk yang tidak pasti keberkesanannya ini hanya akan menambahkan beban kepada organ sahaja.

"Namun, sekiranya ingin mengambil makanan sunnah, boleh diteruskan tetapi bukan yang diproses menjadi produk," katanya.

Menjelang 2070

Anggota badan manusia ganti robotik

GLOBAL - Pakar robotik menjangkakan anggota badan manusia boleh digantikan dengan bahagian robotik, menjelang 2070, lapor berita Agensi.

Pakar berkenaan, Chris Middleton berkata, manusia kini semakin hampir dengan masa depan bagi mengganti atau menaik taraf anggota badan supaya memiliki kuasa luar biasa.

"*Biohacker* kini menaik taraf anggota badan dengan implan seperti cip yang membolehkan mereka membuka pintu hanya dengan gelombang tangan.

"Dalam tempoh 50 atau 100 tahun lagi, kemungkinan seluruh tubuh manusia boleh digantikan, diubah suai atau dinaik taraf," katanya kepada Daily Star.

Middleton yang sering memberi syarahan berkenaan kesan Kecerdasan Buatan (AI) di universiti berkata, walaupun kepercayaan robotik dan AI akan memainkan peranan besar pada masa hadapan, namun pendapatnya itu hanya ramalan berdasarkan situasi terkini.

Beberapa siri televisyen terbaharu banyak mendedahkan berkenaan idea *cyborg* dan semi manusia seperti *Black Mirror* juga *Westworld*.

Salah seorang *biohacker* pertama ialah Kevin Warwick iaitu seorang jurutera dan Naib Canselor di Universiti Conventry yang menanam implan pada lengan bagi membolehkannya mengawal peranti itu dengan gerakan mudah seperti mengetuk jari.

Makanan Malaysia pikat Suarez



GLOBAL - Tourism Malaysia memuat naik sebuah video menampilkan penyerang Barcelona, Luis Suarez, sedang mencuba beberapa hidangan yang sinonim dengan rakyat Malaysia.

Suarez selaku Duta Pelancongan Malaysia menyifatkan beberapa makanan negara itu mempunyai rasa enak walaupun ada antaranya pedas.

Beliau merasai kenikmatan roti canai, nasi lemak, sate, char kueh teow dan popiah.

Pemain berasal dari Uruguay itu dilihat lebih tertarik dengan sate apabila bertanya 'boleh saya makan lagi?' selain menyifatkan popiah makanan yang pedas hingga beliau sendiri tidak boleh bercakap.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz dalam jawapan di Dewan Rakyat, pada November lalu berkata, pemilihan Suarez dibuat kerana beliau adalah pemain popular dalam kalangan peminat bola sepak, di rantau Asia khususnya di Indonesia dan China.

Melalui kempen pengiklanan perjanjian yang dibuat bersama Media Pro Asia berjumlah RM7.5 juta, RM4.4 juta daripadanya untuk pembelian media di semua 18 stadium, di bawah La Liga.

Baki jumlah perjanjian itu digunakan untuk kerjasama bersama Suarez bagi mempromosikan destinasi pelancongan menarik di Malaysia khususnya melalui media sosial beliau.

TOYOTA INNOVA BARU* UNTUK DIMENANGI!!

Anda berpeluang memiliki
TOYOTA INNOVA BARU!
dengan minyak PERCUMA untuk
2 tahun pertama* atau
RM150,000

*Tertakluk kepada terma dan syarat

Gambar untuk tujuan ilustrasi sahaja

DAPATKAN ANGKA 118
DAN MENANGI
TOYOTA INNOVA BARU.
Caranya mudah sahaja:

❶ Ambil 2 angka terakhir tahun kelahiran Anda;
❷ Kemudian tambahkan dengan umur Anda pada tahun 2018;
❸ Adakah Anda mendapat angka 118?

Hantarkan jawapan anda dan ketahui cara untuk memenangi Toyota Innova Baru.

Dato' Jalaludin Hassan
Selebriti & Duta Best Products

PERHATIAN! Promosi Hadiah Utama adalah terhad!
Lengkapkan kupon dan hantar sekarang!

Pusat Panggilan:
☎ 03-2716 6363
Setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 petang.

KUPON PENYERTAAN
ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA:
BEST PRODUCTS, P.O. BOX 12366, 50776 KUALA LUMPUR.

☐ Ya, saya telah mendapat angka 118!
☐ Ya, saya ingin berpeluang memenangi wang RM150,000!
☐ Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.

TERIMA!
Katalog Terbaru
"Best Products"

No. kod: 3.588.280218.29.7.1

Nama Penuh: .....
Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan
Tarikh Lahir: |___|___| |___|___| |___|___|___|___|
Hari Bulan Tahun
Alamat: .....
.....
.....
.....
Poskod: |___|___|___|___|___|
Bandar: .....
Nombor Telefon:
Rumah: |___|___| |___|___|___|___|___|___|___|___|___|
Bimbit: |___|___|___| |___|___|___|___|___|___|___|___|
Emel: .....
Tandatangan: .....

BARU!
HANTAR KUPON LEBIH PANTAS MELALUI WhatsApp
012-622 2330
Ambil gambar kupon penyertaan yang telah dilengkapkan dan hantarkan ke nombor WhatsApp kami.
Sekiranya kupon penyertaan telah dihantar melalui nombor WhatsApp yang diberi, ia tidak perlu dipos lagi.

3.588.280218.29.7.1

*Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")
1) Kempen ini dianjurkan oleh **Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"). Pusat Perkhidmatan Pelanggan** beralamat di 32A-2, Jalan PJS 8/2 Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan **No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) AJL 932090.** 2) Kempen ini akan berlangsung dari **1 Januari 2018** hingga **28 Februari 2018 ("Tempoh Kempen")**. Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak dilayan untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas **("Pelanggan Berpeluang").** 4) Pelanggan Berpeluang **(seperti yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Penuh)** mempunyai peluang untuk memenangi hadiah-hadiah berikut: Satu Hadiah Utama berupa kereta Toyota Innova 2.0X seperti di iklan di atas ATAU wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua wang tunai sebanyak RM3,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2 : Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menelefon nombor telefon Syarikat ataupun menghantarkan kupon yang telah dilengkapkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3 : Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos pakej mel Syarikat yang akan mengandungi katalog-katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan d) Peringkat 4 : Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melengkapkan kupon dan mengeposnya kepada Syarikat, Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam **Notis Privasi Syarikat** bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat, atau dizahirkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada **Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemulangan Syarikat** dan **Notis Privasi Syarikat** yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di ***www.bestproducts.my.***

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Sarat pelbagai aktiviti

Karnival amal dana bina parkir surau

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Surau Madrasah Muhammad Ali Jalan Haji Tahir, Jalan Kebun, di sini, punya inisiatif tersendiri mencari dana bagi pembinaan parkir surau terbabit menerusi karnival amal.

Ahli Dewan Negeri Sri Muda, Shuhaimi Shafiei berkata, karnival setengah hari yang sarat pelbagai aktiviti sambil menderma selain pemeriksaan kesihatan secara percuma itu wajar diteladani.

"Diharapkan, usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang bukan sahaja menganjurkan program sebegini tetapi aktiviti lain," katanya.

Shuhaimi turut menyalurkan sumbangan RM5,000 bagi pembinaan parkir surau berkenaan.

Selain parkir, karnival itu juga bertujuan mengumpul derma bagi menaik taraf saliran parit tanah menjadi longkang kalbot.

"Saya difahamkan, kos pembinaan parkir RM20,000 manakala menaik taraf longkang ini RM30,000 dan mencadangkan untuk membuat permohonan kepada pejabat saya untuk mendapatkan bantuan," katanya.

Shuhaimi dibantu beberapa ahli jawatankuasa surau melepaskan ikan ke dalam kolam sebagai simbolik perasmian karnival

JABATAN KERJA RAYA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf/ Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN BANGUNAN SEKOLAH RENDAH AGAMA DENAI ALAM SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN. JKR/SEL/(N)003/ (T)/2018	Bumiputera T1	SPKK, PPK, STB & UPEN Gred: **G3/G4/G5/ G6/G7** Kategori: **ME** Pengkhususan: **E01, E04, E11 & E17**	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. **28/02/2018 (Rabu)** Hingga **14/03/2018 (Rabu)**	**RM200.00** (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) (Bayaran tidak akan dikembalikan) Atas Nama **Bendahari Negeri Selangor**	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, Kompleks Ibu Pejabat JKR Negeri Selangor, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 17 40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Pada: **21/03/2018 (Rabu)** Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari. (Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan)

Lawatan Tapak digalakkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi **di Bahagian Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Telefon: 03 55455833 Samb: 4141**

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat tender yang diwajibkan, **hanya penama yang tercatat didalam sijil PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.**

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank/kiriman wang/wang pos di atas nama Ketua Akauntan Kementerian Kerja Raya. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil Kontrak yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/Sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputra yang dikeluarkan oleh **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan** (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi Kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPKJ, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/Sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputra (jika berkenaan)

***Jenis Pendaftaran :**
T1 - Syarikat 100% milik tempatan
A1 - Syarikat yang 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah 100% oleh warganegara.
A2 - Syarikat yang 100% milik tempatan **ATAU** syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL **ATAU** Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai equiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

Haniza ditemani Ahli Parlimen Petaling Jaya Selatan (PJS), Hee Loy Sian meraikan sambutan hari lahir kanak-kanak dengan acara memotong kek

DUN Taman Medan rekod daftar tertinggi KISS

PETALING JAYA - Dewan Undangan Negeri (DUN) Taman Medan antara kawasan merekodkan pendaftaran skim Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) tertinggi dengan jumlah hampir 500 peserta.

Ahli Dewan Negeri Taman Medan, Haniza Talha berkata, beliau gembira dengan sambutan diterima terhadap skim terbaru Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) diperkenalkan Kerajaan Negeri, tahun ini.

"Kita berjaya mendaftarkan 472 golongan ibu di DUN Taman Medan.

"Penerima boleh membeli belah di lima pasar raya di sekitar Taman Medan, tiga cawangan di 99 Speedmart dan dua Pusat Pakaian Hari-Hari," katanya.

Dalam ucapannya pada Karnival Inisiatif Peduli Rakyat DUN Taman Medan, beliau berkata, Kerajaan Negeri melaksanakan lebih 40 program IPR bagi membantu meringankan beban rakyat.

Justeru, beliau berharap penduduk setempat bijak membuat Pilihan Raya Umum akan datang.

Karnival IPR DUN Taman Medan menyaksikan kehadiran lebih 200 penduduk setempat berhampiran Matahari Mall.

Selain penerima KISS, majlis penyerahan skim Food Bank kepada 300 orang, bayaran fasa pertama RM1,000 Skim Mesra Usia Emas (SMUE) kepada 24 penerima dan 22 penerima Skim Peduli Sihat turut dilangsungkan.

Turut diraikan, 33 penerima skim Tabung Warisan Anak Selangor dan 83 SMUE sempena sambutan 10 tahun program berkenaan.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

KEUSAHAWANAN

SKIM HIJRAH SELANGOR

PEDULI RAKYAT

KEUSAHAWANAN

Pinjaman Perniagaan tanpa Penjamin & Faedah

Manfaat Program

- **Skim pinjaman mikrokredit tanpa faedah dan penjamin bagi peniaga kecil dan penjaja di Negeri Selangor.**

Kelebihan Skim ini:

- **menawarkan modal tambahan yang mudah, cepat, tidak membebankan.**
- **mewujudkan rangkaian usahawan operasional.**
- **membentuk usahawan berwawasan, berdaya saing, berkemahiran, dan berpontesi.**

Syarat Permohonan

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun - 60 tahun.
2. Memiliki premis perniagaan khusus serta ada lesen dan permit yang sah.
3. Tiada rekod buruk pinjaman dengah mana-mana bank dan agensi kerajaan.
4. Satu pinjaman dibawah Skim HIJRAH sahaja dalam satu-satu masa.
5. Satu pinjaman di bawah Skim HIJRAH sahaja dalam satu-satu isi rumah.
6. Satu pinjaman dibawah Skim HIJRAH sahaja dalam satu-satu perniagaan perkongsian.

Syarat Aktif Perniagaan

1. **HIJRAH SELANGOR** untuk penjaja dan peniaga kecil sahaja. Jenis perniagaan yang layak menyertai program ini:
   - Gerai tetap, Gerai bergerak
   - Kedai tetap
   - Perniagaan perkhidmatan
   - Perkhidmatan pengangkutan
   - Aktiviti pertanian, perikanan, perternakan

Permohonan di 22 cawangan **Pejabat HIJRAH SELANGOR** di seluruh Selangor.

RM240 Juta Perbelanjaan

38,914 Penerima

Sehingga 31 Julai 2017

Permohonan boleh dibuat secara atas talian di laman web : **http://hijrahselangor.gov.my**

"Bertunjangkan agenda besar iaitu Hasil Negeri Untuk Rakyat. Inisiatif Peduli Rakyat diperkenalkan sebagai kaedah pengagihan semula kekayaan kepada rakyat."

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, MENTERI BESAR SELANGOR

PENDIDIKAN

PROGRAM KHAS PEDULI SISWA

Pinjaman tanpa faedah untuk anak sedang belajar di Universiti Tempatan.

PEDULI RAKYAT

PENDIDIKAN

IKTISAS Program Khas Peduli Siswa

Kadar Pinjaman RM4,900 ke RM7,000

Bayaran balik pinjaman boleh dikurangkan mengikut syarat yang ditetapkan.

RM4 Juta Perbelanjaan

424 Penerima

Sehingga 31 Julai 2017

Manfaat Program

- Permohon dan ibu bapa warganegara Malaysia dan lahir di Selangor.
- Bermastautin lebih 5 tahun di Selangor.
- Permohon bukan pelajar tahun akhir pengajian.
- Telah mendaftar diri bagi pengajian sepenuh masa di peringkat Diploma/Ijazah Sarjana Muda/Ijazah Perubatan di universiti awam:

UIAM Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (Kampus Gombak)

UKM Universiti Kebangsaan Malaysia (Kampus Bangi)

UPM Universiti Putra Malaysia (Kampus Serdang)

UiTM Universiti Teknologi Mara (Kampus Shah Alam) (Kampus Puncak Alam) (Kampus Puncak Perdana)

Syarat Permohonan

Kriteria akademik:

1. **Diploma** - 5 kepujian dalam SPM atau Sijil- PNGK, CGPA 2.50 ke atas.
2. **Ijazah Sarjana Muda** - Sijil Tahun Asas, Pra-ijazah, Matrikulasi, Diploma dengan kelulusan PNGK/CGPA 2.50 ke atas.
   - STPM (4) Gred C mana-mana mata pelajaran.
   - STAM (5) kelulusan *(jayyid)* mana-mana mata pelajaran.
3. **Ijazah Perubatan** - Sedang mengikuti Ijazah Perubatan, Pergigian, Veterinar di Universiti Awam.

Iklan tawaran dibuka pada Februari dan Ogos secara *Online:* **https://tkwbs.selangor.gov.my**

Hantar borang ke

Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor (TKWBNS), Urus Setia Cawangan Biasiswa & Pinjaman Pelajaran, Tingkat 3, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40503 Shah Alam, Selangor DE.

KEHARMONIAN KAUM, ASAS KESEJAHTERAAN NEGERI

mediaselangor

Disediakan Oleh Asri Sapfie

01
ADN Sri Muda, Shuhaimi Shafiei turut serta dalam program gotong-royong bersama penduduk setempat di kawasan beliau

02
ADN Teratai, Tiew Way Keng turun padang menyantuni dan mendengar permasalahan penduduk setempat di DUN beliau

03
Ahli Parlimen Subang, R Sivarasa turun padang ke Program Gotong-Royong Bersama Penduduk Zon 3 di kawasan beliau

04
ADN Hulu Klang, Saari Sungib turun padang melakukan gotong-royong membersihkan kawasan setempat bersama penduduk di DUN beliau

05
ADN Kota Damansara, Halimaton Saadiah Bohan menyantuni peserta program Kota Damansara Fun & Fund Run di DUN beliau

1

2

3

4

5

Tonton TVSelangor
selangortv.my

OLEH **R SIVARASA**

Berjaya selesaikan isu 18 tahun

Kerajaan Negeri bela nasib peneroka Ijok

Dalam tempoh beberapa hari ini, Pengarah Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, pemimpin Umno Selangor dan media kawalan BN cuba memberi gambaran negatif terhadap Kerajaan Negeri dan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berhubung isu tanah, di Ijok.

Serangan pada sebelah pihak saja dibuat ketika Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) semakin hampir menunjukkan Umno-BN terdesak.

Malah, ia juga menunjukkan sikap hipokrit kerana Mohamed Azmin sudah menyelesaikan ketidakadilan besar dilakukan Umno-BN.

Beliau menunaikan janji yang dimungkiri Umno-BN terhadap peneroka pada 2000 apabila tanah peneroka diambil setiap tiga ekar dan menjanjikan pampasan RM180,000 dan rumah bernilai RM180,000. Umno-BN kemudiannya memberikan tanah itu kepada kroni yang memperkayakan diri-sendiri tetapi gagal menunaikan janji kepada peneroka.

Sehingga 2008, BN berdiam diri dan tidak melakukan apa-apa bagi menyelesaikan masalah itu.

Kenyataan Abdul Rahman dan beberapa pemimpin UMNO seperti biasa mempersembahkan separuh fakta sebenar, salah tafsir dan membangkitkan persoalan salah untuk mengelirukan orang awam.

Mantan Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim dan bekas setiausahanya, Faekah Husin, juga turut bersubahat, mungkin mahu membalas dendam susulan penyingkirannya.

Firma saya, Daim & Gamany didatangi oleh Jawatankuasa Bertindak Projek Terbengkalai Alam Mutiara dan Alam Utama (peneroka daripada Fasa Dua dan Tiga 'Projek Rancangan Revolusi Hijau') mewakili kira-kira 980 peneroka pada lewat 2015 untuk diberi tugas bertindak sebagai wakil undang-undang melindungi kepentingan mereka dan memastikan janji yang dimungkiri pada tahun 2000 oleh BN dipenuhi.

Sehubungan itu, sedikit sebanyak saya tahu dengan perkara yang dilakukan Kerajaan Negeri dan Mohamed Azmin dalam isu berkenaan.

Pelanggan saya sudah bercakap dalam sidang media pada 20 Februari lalu bersama mantan Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad.

Saya ingin menambah beberapa penerangan daripada aspek perundangan dan penyelesaian keseluruhan bagi menjawab semula salah keterangan yang disebarkan Abdul Rahman, pemimpin Umno-BN lain dan proksi mereka.

Latar belakang dan punca masalah

Berlaku pada 1987 apabila satu skim tanah diperkenalkan di Ijok untuk kira-kira 1,000 peneroka dengan setiap mereka diberikan tanah seluas tiga ekar.

Mereka memajakkan semula tanah itu kepada agensi negeri, Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk tanaman kelapa sawit dan diuruskan seperti FELDA serta mendapat hasilnya.

Pada 2000, Kerajaan Negeri di bawah BN mengambil semula tanah itu dan menjualnya kepada syarikat kroni dengan harga premium murah bagi tujuan pembangunan bercampur seperti perumahan, kedai dan pejabat.

Jelas sekali, BN dan kroni nampak nilai tanah berkenaan meningkat dan mementingkan rasa tamak berbanding kepentingan jangka masa panjang peneroka.

Mereka menjanjikan peneroka pampasan RM180,000 dan rumah bernilai RM180,000 sebagai balasan kerana memperoleh tanah setiap peneroka seluas tiga ekar itu.

Tiga syarikat dikawal oleh seorang ahli perniagaan, Datuk Chin Chan Liong, diberi faedah paling besar.

Syarikat berkenaan ialah LBCN Development Sdn Bhd, Mujur Zaman Sdn Bhd dan Liputan Canggih Sdn Bhd.

Umno-BN gagal memastikan syarikat terbabit memajukan tanah itu dan menunaikan janji kepada peneroka.

Kroni BN mencagarkan tanah itu kepada beberapa bank dan memperoleh beberapa ratus juta ringgit yang sebahagiannya digunakan untuk bayaran pampasan, namun gagal menunaikan janji membina rumah untuk kebanyakan peneroka serta mengabaikan pembangunan tanah berkenaan.

Pada masa sama, Chan Liong terbabit dengan pasaran saham dan menggunakan jutaan ringgit hasil cagaran tanah itu.

Kemudiannya, beliau didakwa atas kesalahan memanipulasi pasaran saham dalam kes Fountainview Bhd dan dihukum penjara.

Peneroka terus mengharapkan Kerajaan Negeri di bawah Umno-BN menyelesaikan masalah mereka.

Tiada sebarang tindakan berkesan diambil. Tiada rumah mahupun pampasan diberi, sehingga 2008.

Pendekatan Abdul Khalid menyelesaikan masalah

Peneroka mengambil langkah berjumpa Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim pada 2009 dan merayu kepada beliau untuk menyelesaikan masalah itu.

Pendekatan Abdul Khalid untuk menyelesaikannya adalah dengan mengambilalih tanah dan merampas mengikut Kanun Tanah Negara bagi mendapatkan tanah berkenaan daripada syarikat terbabit.

Beliau mengusahakan pengambilalihan tanah dan mahu membayar pampasan harga murah berdasarkan nilaian status tanah pertanian walaupun jelas Umno-BN menjadikan tanah itu untuk pembangunan bercampur dengan sebahagian pembangunan sudah dilaksanakan, di kawasan tanah itu.

Malangnya, pemilik saham baru syarikat yang memberi pinjaman kepada Chan Liong mengawal syarikat dan turut membuat pelaburan syarikat.

Pemilik syarikat itu melawan pengambilalihan tanah di mahkamah bagi menghentikannya atau jika tidak berjaya, maka beliau

mahu mendapatkan nilai pampasan semaksimum mungkin.

Ia mengakibatkan lebih 30 kes mahkamah difailkan secara berasingan membabitkan syarikat berkenaan, Kerajaan Negeri, bank dan peminjam lain.

Fakta yang diabaikan Abdul Rahman adalah Umno dan proksinya dalam penyelewengan adalah salah serta kenyataannya separuh benar.

Abdul Rahman memberi kenyataan salah berhubung satu pengambilalihan tanah tertangguh di Mahkamah Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menang di Mahkamah Tinggi juga Mahkamah Rayuan tetapi masih mempersoalkan mengapa Mohamed Azmin tidak meneruskan usaha, di Mahkamah Persekutuan.

Beliau tidak menyebut kes lain yang tertangguh. Beliau juga bertanya apa yang terjadi dengan jualan tanah bernilai RM1.18 bilion sekiranya ia adalah tanah sama yang disebut dalam kes Mahkamah Persekutuan.

Ini adalah fakta proses perundangan yang diambil ketika Abdul Khalid menjadi Menteri Besar terhadap tanah yang Abdul Rahman tahu berkenaannya tetapi berpura-pura tidak mengetahuinya.

Tanah berkenaan boleh dikategorikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah Alam Perdana yang dimiliki LBCN Development dengan luas kira-kira 1,000 ekar.

Bahagian kedua meliputi Alam Mutiara dan Alam Utama dimiliki Mujur Zaman dan Liputan Canggih dengan luas kira-kira 2,200 ekar.

LBCN Development mencabar notis pengambilalihan tanah oleh Kerajaan Negeri dengan semakan kehakiman (JR -25-170-2011) tetapi gagal di Mahkamah Tinggi atas sebab teknikal–pemfailan kes terlalu lewat.

Bagaimanapun, dalam kes lain di Mahkamah Tinggi yang dibawa oleh Maybank Islamic Berhad selaku peminjam terhadap Kerajaan Negeri membabitkan tanah LBCN, memutuskan pampasan perlu dibayar kepada bank berdasarkan pembangunan bercampur dan juga kos pemilik yang membangunkan infrastruktur.

Syarikat itu kalah sekali lagi di Mahkamah Rayuan dan rayuannya tertangguh di Mahkamah Persekutuan.

Cerita Abdul Rahman hanya benar setakat itu saja.

Apa yang tidak dinyatakan oleh beliau ialah walaupun Kerajaan Negeri menang kes di Mahkamah Persekutuan, namun pampasan dengan jumlah yang sangat besar harus dibayar.

Pengambilalihan tidak percuma

Khalid hanya membayar RM3 setiap kaki persegi berdasarkan nilai status pertanian.

Kerajaan Negeri perlu membayar lagi RM6 bagi setiap kaki persegi yang akan menjadikan jumlahnya RM260 juta selain ber-hadapan tuntutan oleh LBCN sebanyak RM600 juta atas kewujudan infrastruktur yang menjadikan potensi liabiliti sebanyak RM860 juta.

Ia hanya membabitkan bahagian tanah berkeluasan 1,000 ekar saja.

Kes mahkamah pengambilalihan tanah LBCN tidak mempunyai kaitan dengan penjualan bernilai RM1.18 bilion yang ditandatangani pada 2015/2016.

Ia adalah bahagian tanah yang berkeluasan 2,200 ekar. Penjualan tanah itu adalah transaksi antara pemilik Mujur Zaman Sdn Bhd dengan pemaju berwibawa dan tidak

Informasi Terkini di jari anda
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

membabitkan Kerajaan Negeri.

Putar belit Abdul Rahman dan kenyataan salah yang diulangi ialah tanah yang dijual ialah tanah berkeluasan 2,200 ekar yang 'dikembalikan' Kerajaan Negeri kepada pemilik sebelumnya.

Tanah itu sebenarnya masih kekal sebagai tanah persendirian kerana notis pengambilalihan Kerajaan Negeri di bawah Khalid disekat oleh mahkamah melalui semakan kehakiman yang difailkan pemilik di Mahkamah Tinggi (JR 25-5-11/2012).

Pelbagai bank yang memberi pinjaman berjumlah ratusan juta ringgit kepada Chan Liong memfailkan kes mahkamah terhadap pengambilalihan tanah yang diusahakan Abdul Khalid itu.

Selain Maybank Islamic Berhad, tuntutan juga dibuat oleh bank lain seperti Malayan Banking Berhad, Bumiputra Commerce Berhad (CIMB), Malaysian Assurance Alliance Berhad, Zurich Insurance dan beberapa institusi perbankan lain.

Terdapat juga tuntutan daripada peminjam bukan bank seperti Gaya Perkasa Sdn Bhd and Citarasa Sdn Bhd. Kesemuanya melindungi kepentingan atas tanah itu menerusi kaveat dan caj.

Sebahagiannya turut mengambil inisiatif prosiding bagi melindungi kepentingan kewangan.

Semuanya mempunyai lebih 30 kes yang tertangguh di mahkamah, hasil percubaan Abdul Khalid untuk mengambilalih tanah.

Apa pencapaian Abdul Khalid dan apa yang gagal dicapai selepas enam tahun sebagai Menteri Besar

Selepas enam tahun dalam 2014, pencapaian Abdul Khalid ialah menang kes pengambilalihan untuk 1,000 ekar tanah milik LBCN tetapi berhadapan pampasan berjumlah RM860 juta.

Kerajaan Negeri juga terbabit dengan lebih 30 kes mahkamah daripada pemilik, peminjam bank dan bukan bank sama ada mencabar pengambilalihan juga tuntutan pampasan.

Mujur Zaman dan LBCN memfailkan dakwaan salah guna kuasa di pejabat awam terhadap beliau secara peribadi serta Kerajaan Negeri yang mendatangkan kos RM1 bilion ringgit.

Sebahagian peneroka Fasa Pertama Rancangan Revolusi Hijau dalam tanah seluas 1,000 ekar milik LBCN akhirnya dibayar pampasan penuh dan mendapat rumah, namun 980 peneroka dalam tanah seluas 2,200 ekar milik Mujur Zaman masih menanti janji pampasan dan rumah. Proses perundangan berkenaan akan memakan masa yang panjang dan kelihatan tidak berakhir.

Sehingga hari ini, 358 daripada 980 peneroka sudah meninggal dunia. Berapa lama lagi waris mereka harus menunggu?

Walaupun strategi pengambilalihan Abdul Khalid berjaya untuk semua tanah seluas 3,200 ekar, namun Kerajaan Negeri masih perlu membayar pampasan yang besar sehingga mencecah angka RM1.4 bilion dengan mengambil kira nilaian tanah pembangunan bercampur dan infrastruktur yang dibangunkan di tanah itu. Setakat ini, Abdul Khalid hanya berjaya mengambilalih 1,000 ekar tanah yang dimiliki LBCN.

Rumusannya, strategi Abdul Khalid mengambilalih tanah dan kemudian sama ada membangunkannya atau menjualnya juga menggunakan hasil itu untuk pembayaran pampasan selain pembinaan rumah, tidak berjaya dan terganggu dengan proses perundangan.

Ia juga meletakkan risiko besar ke atas perbendaharaan Kerajaan Negeri yang berhadapan tuntutan dan pampasan akibat proses pengambilalihan tanah.

Cadangan formula global yang dikemukakan kepada Mohamed Azmin pada 2015

Wakil kepada 980 peneroka berjumpa Mohamed Azmin pada 2015 dan meminta beliau mencari jalan penyelesaian untuk memperbetulkan ketidakadilan yang berlaku ke atas mereka disebabkan Kerajaan Negeri, di bawah BN.

Pemilik saham baru Mujur Zaman dan LBCN mengemukakan cadangan formula global kepada Mohamed Azmin.

Mereka mencadangkan bahawa mempunyai pemaju berwibawa untuk membeli tanah seluas 2,200 ekar dengan harga RM1.18 bilion.

Hasil jualan itu digunakan untuk membayar pinjaman bank dan peminjam lain, maka semua kaveat, caj serta tuntutan yang dibuat atas Kerajaan Negeri bagi semua tanah seluas 3,200 ekar akan ditarik semula.

Mereka juga membayar semua baki pampasan terhadap pe-neroka dan membina rumah untuk mereka.

Mohamed Azmin bersetuju daripada sudut prinsipnya. Bagaimanapun, beliau menegaskan syarat sebelum boleh memberi kebenaran transaksi.

Pertama, keutamaan perlu diberi terhadap pembayaran baki pampasan kepada 980 peneroka dan rumah mereka perlu dibina oleh pembeli iaitu pemaju berwibawa itu. Ini adalah untuk memastikan tiada peneroka tercicir memperoleh rumah mereka.

Kedua, hasil penjualan itu perlu digunakan untuk menyelesaikan semua tuntutan tertunggak oleh bank dan peminjam lain selain semua tuntutan bank serta peminjam lain untuk pampasan daripada Kerajaan Negeri terhadap tanah seluas 1,000 ekar yang sebelum ini dimiliki LBCN harus ditarik semula.

Ini akan melindungi Kerajaan Negeri daripada tuntutan bernilai RM860 juta.

Ketiga, semua tuntutan oleh pemilik tanah, LBCN, terhadap tanah seluas 1,000 ekar perlu ditarik semula supaya tanah itu sepenuhnya diserah kepada Kerajaan Negeri.

Ia boleh dibangunkan untuk manfaat rakyat Selangor.

Keempat, semua saman sivil terhadap Abdul Khalid dan Kerajaan Negeri atas tindakan menyalahgunakan kuasa ketika Menteri Besar juga perlu ditarik semula supaya tiada liabiliti ke atas Kerajaan Negeri. Dengan berbuat demikian, maka tuntutan Mohamed Azmin itu turut melindungi Abdul Khalid.

Syarikat pemilik tanah berkenaan bersetuju dengan syarat Mohamed Azmin.

Perjanjian dirangka dan ditandatangani. Penyelesaian global itu direkam dan persetujuan penghakiman Mahkamah Persekutuan, pada 17 Mei 2016.

Persetujuan penghakiman membuat rujukan terhadap lebih 30 kes membabitkan tanah berkenaan sudah diselesaikan sekaligus.

Kesimpulannya, tanpa sesen pun keluar daripada perbendaharaan negeri, Mohamed Azmin berjaya mendapatkan pampasan dan rumah untuk 980 peneroka serta mendapat tanah seluas 1,000 ekar di Ijok dengan tanah sama diberikan BN kepada kroni membabitkan harga premium murah, pada tahun 2000.

Berbanding dengan perkara yang dilakukan Kerajaan Negeri BN yang rasuah, pada tahun 2000. Mereka mengambil tanah peneroka dan memberikannya kepada kroni serta memungkiri janji pampasan juga rumah.

Abdul Khalid cuba menyelesaikan masalah itu tetapi menggunakan strategi berisiko yang mendedahkan Kerajaan Negeri kepada liabiliti.

Strategi beliau juga tidak berjaya selepas enam tahun cuba mengambilalih tanah dan tidak memberi penyelesaian kepada 980 peneroka.

Pembohongan dan sikap hipokrit BN

Abdul Rahman dan pemimpin UMNO lain bersikap hipokrit apabila cuba menggambarkan Mohamed Azmin juga Kerajaan Negeri berkompromi dengan menarik kes di Mahkamah Persekutuan seperti yang disebut beliau.

Kerajaan Negeri BN terdahulu yang korup menyebabkan kesusahan kepada 980 peneroka.

Persoalan apa yang berlaku terhadap RM1.18 bilion itu mudah dijawab. RM250 juta digunakan untuk membina rumah peneroka. RM45 juta membayar semua pampasan peneroka.

Sekali lagi Abdul Rahman salah, beliau patut tahu kroni BN hanya membayar sebahagian saja daripada pampasan dan tidak membayar baki pampasan sebanyak RM45 juta.

Saya diberitahu RM700 juta digunakan untuk menyelesaikan semua hutang bank dan peminjam lain. Jumlah keseluruhan ialah RM995 juta.

Baki RM185 juta digunakan untuk membayar kos pelaburan pemilik saham baru Mujur Zaman dan LBCN.

Sama ada penjualan tanah cukup untuk memberi keuntungan kepada pemilik saham syarikat terbabit, ia bukan urusan Kerajaan Negeri.

Seperti yang disebutkan, keprihatinan Mohamed Azmin adalah jelas dan ringkas–tanggungjawab pemilik tanah untuk berunding dan membayar semua hutang kepada bank serta peminjam lain untuk membolehkan kebenaran penjualan tanah diberi.

Semua tuntutan pampasan untuk pengambilalihan perlu ditarik supaya 1,000 ekar ditarik semula dan Kerajaan Negeri bebas daripada sebarang tuntutan.

Tuduhan *bailout* untuk syarikat pemilik tanah itu tidak berasas. *Bailout* bermakna menggunakan dana awam atau aset awam untuk kepentingan swasta.

Tanah yang dijual adalah tanah persendirian sebenarnya. Pembeli membayar RM1.18 bilion selepas menimbangnya. Tiada dana awam terbabit.

Tambahan, Kerajaan Negeri mendapat faedah daripadanya dan semua tuntutan terhadap tanah seluas 1,000 ekar ditarik semula.

Penyelesaian itu jelas untuk kepentingan awam.

Nota akhir

Baki pampasan RM45 juta dibayar kepada 980 peneroka, menjelang akhir Disember 2016.

Tiada aduan dikemukakan pemimpin BN ketika ia dilakukan, malahan penjualannya kini adalah pengetahuan umum.

Mohamed Azmin memberi 980 peneroka hak milik tanah ke atas rumah mereka dalam satu majlis pada September 2016 dan sekali lagi tiada isu dibangkitkan oleh pemimpin BN.

Pada 1 Februari lalu, peneroka menandatangani perjanjian individu dengan pemaju untuk rumah mereka yang jika pada harga pasaran mencecah nilai RM500,000.

Apabila peneroka menerima kunci rumah dalam tempoh dua tahun nanti, maka ketika itu harganya pasti lebih mahal.

Kita hanya boleh merumuskan PRU14 semakin hampir menyebabkan Abdul Rahman dan pemimpin BN lain terdesak untuk merosakkan reputasi Mohamed Azmin serta Kerajaan Selangor.

Saya yakin 980 peneroka dan keluarga mereka juga rakan memahami fakta dengan baik serta tahu siapa punca masalah selain yang menyelesaikannya.

Seperti biasa, BN menyalahgunakan dan memanipulasi agensi penguatkuasa seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk mewujudkan persepsi negatif walaupun Kerajaan Selangor berjaya menyelesaikan masalah 980 peneroka serta mendapat tanah seluas 1,000 ekar di Ijok dengan percuma.

Hasilnya, saya terpaksa berhadapan dengan sepasukan pegawai SPRM, di pejabat saya, pada 21 Februari lalu.

Pegawai berkenaan bersopan dan profesional. Kami memberikan semua maklumat diperlukan bagi menjelaskan kekeliruan yang timbul akibat pembohongan dan penyelewengan oleh putar belit media BN. Saya yakin, mereka juga sedar masa yang berharga boleh digunakan dengan lebih baik untuk menyiasat kecurian berbilion ringgit daripada 1MDB, FELDA dan syarikat berkaitan kerajaan lain yang diuruskan BN.

R Sivarasa adalah peguam 980 peneroka Projek Rancangan Revolusi Hijau Fasa 2 dan 3, Alam Mutiara dan Alam Utama merangkap Ahli Parlimen Subang
23 Februari 2018

Tonton **TVSelangor**
selangortv.my

OLEH **SHEERAGHAFAR**



Aku dan bapaku menjual esok. Orang-orang di sini menyebutnya sebagai besok. Cuma ditambah 'b' di hadapan tapi masih memegang maksud sama. Kedai Besok warisan nenekku dan dibuka setiap hari. Setiap hari, ada sahaja orang yang datang membeli besok. Aku mula membantu bapa secara serius sejak dua bulan ini, apabila bapa ditinggal ibu yang lari. Dia tinggal bersama kekasihnya berselang lima buah rumah daripada rumah kami. Aku tidak sengaja terlihat ibu berpimpin tangan bersama seorang lelaki ketika di pasar malam kejiranan kami.

"Jodohnya terlewat lima rumah ke kanan," bapa tenang menjawab apabila aku bertanya ke mana ibu selama dia tidak pulang-pulang menguruskan rumah? Sejak itu, aku benar-benar simpati dengan bapa. Aku berhenti bekerja sebagai manager di jabatan korporat sebuah syarikat penerbitan buku demi bapa. Walaupun tanpa ibu, semuanya masih sama padaku. Barangkali kerana aku memang tidak begitu rapat dengannya. Urusan rumah juga bapa yang atur buat kami dengan bantuan Bibik Zenda. Kami meneruskan hidup yang penuh dengan ketidaktentuan ini dengan baik. Setakat ini. Setakat ini.

Ada juga kedai yang menjual semalam. Teman sekolah rendahku, Ziad pernah menguruskan perniagaan tersebut setelah ibunya sakit tua. Kemudian setelah ibunya meninggal, Ziad menjual perniagaan itu kepada orang bandar yang berhijrah ke daerah ini. Setakat yang aku tahu, sehingga kini Ziad bekerja di sebuah syarikat guaman di pekan. Semalam sama laku dengan besok yang aku niagakan. Seperti besok, aku tidak pernah membeli semalam. Membeli besok atau semalam adalah perkara terakhir yang akan aku lakukan dalam hidup!

Aku tidak mempunyai masalah menguruskan perniagaan ini. Ketika aku masih bersekolah, aku menemani bapa pada setiap hujung minggu. Aku amati dan turut membantu bapa membuka kedai, melayan pelanggan, menguruskan hasil dapatan sehari-hari dan membungkus besok. Setiap kali besok diserahkan, pelanggan pasti pulang dengan wajah keliru. Pada aku, itu suatu ketidakpastian yang lewat!

Besok wujud dalam gelas kaca jernih berbentuk dadu. Setiap penduduk di daerah ini mempunyai satu peluang untuk melihat besok, besok-besok atau besok-besok-besok. Siapa-siapa yang melihatnya tidak penting. Namun, jika mahu melihat besok kepunyaan orang lain, mereka perlu berikat darah (saudara). Ada satu punat segera di bawah dadu itu. Ia akan menurut keinginan yang dinyatakan pemiliknya kepada aku atau bapa. Harga besok berbeza dengan besok-besok atau besok-besok-besok dan seterusnya. Semakin jauh besok, semakin mahal.

Langit menelan matahari dan memuntahkan kelam. Aku hampir sahaja menutup kedai. Bapa tidak juga datang menguruskan kedai seperti kebiasaan. Sejak belakangan ini, bapa selalu lewat ataupun hilang selepas waktu rehat tengah hari. "Ada hal di pekan." Itu sahaja jawapan jika aku bertanyakan ke mana dia pada sekian-sekian waktu?

Tapi hari ini, lain benar daripada hari-hari sebelumnya. Bapa tidak menjengah kedai langsung. Aku fikir bapa tidak sihat dan tentu sahaja aku mula risau. Bapa sememangnya komited dengan tugas warisan ini. Padanya, keturunan ini mulia kerana dipertanggungjawabkan dalam memegang takdir manusia lain.

Aku lekas-lekas pulang mencari bapa.

"Bapa kau belum pulang." Bibik Zenda seakan-akan tahu gusar yang terlukis pada wajahku. Bibik Zenda yang membantu menguruskan kehidupan kami sehari-hari. Sejak aku kecil atau sebelum aku lahir, aku tidak pasti. Tapi perempuan tua ini sememangnya paling arif tentang keluargaku. Pada wajahku barangkali terconteng gusar yang tak terpadam. Tapi pada wajahnya, tergantung kesedihan dan kasihan yang tidak terperi untukku.

*****

'Semalam Adalah Kenangan Hari Ini, dan Esok Adalah Mimpi Hari Ini.'

Mataku bersetentang dengan kain rentang yang memetik kata-kata daripada Kahlil Gibran itu. Kakiku mahu sahaja berpatah ke belakang. Aku tidak begitu banyak berfikir saat ibu memilih untuk tinggal bersama kekasihnya. Mujur tetangga tidak sibuk menyelak kain orang sehingga ternampak isinya. Aku juga bukan yang mudah mendengar kata-kata orang. Sudah dua hari bapa pergi. Saranan Bibik Zenda akhirnya membawa aku ke Kedai Semalam.

Bapa ditemui di belakang rumahku dengan yang tinggal hanyalah jasadnya sahaja. Itupun jasadnya berlumuran darah yang hampir kering. Masih berdesing di telingaku mengingatkan jeritan Bibik Zenda pagi semalam. Bapa ditemui dalam keadaan kedua-dua matanya tiada dengan kesan koyak yang dalam. Aku melihat kelibat ibu yang turut datang ke rumah selepas jeritan Bibik Zenda. Dia melihat jasad bapa seperti jiran-jiran yang lain, kemudian hilang dalam kekecohan itu. Hari itu juga jasad bapa diuruskan

Sedar-sedar bungkusan semalam-semalam milik bapa sudah di tanganku. Aku kini di luar kedai. Barangkali penjaga kaunter bayaran tadi juga berfikiran seperti aku ketika melihat wajah-wajah bingung manusia yang membeli besok; 'Kalian terlewat!' Aku melangut ke dada langit dan masih lagi tidak percaya bahawa aku bakal melihat takdir manusia lain. Takdir bapaku yang mati tanpa sepasang mata!

Aku membuka bungkusan semalam-semalam milik bapa di atas katil di bilik. Aku masih belum mahu memberitahu Bibik Zenda tentang pembelian semalam-semalam bapa. Ia sebuah glob kaca lut sinar. Terketar-ketar tanganku mengangkatnya kerana aku tahu, tidak sama menjual dan membelinya. Ada ukiran halus dengan tulisan 'Namin' (nama bapaku) di sebelah punat segera glob kaca lut sinar itu. Aku menggunakan jari telunjuk untuk menekannya, namun ia seakan-akan mahu menentang tuan. Ini pengalaman pertama dan mungkin yang terakhir. Rintik peluh mula merembes keluar dari dahiku. Begitu banyak kebarangkalian di benak hampir membuatkan aku pitam. TETTT.

Aku memaksa mata dan tubuhku untuk terjaga. Aku di atas katil dalam sebuah kamar bersaiz sederhana. Ada seorang wanita dengan rambut separas bahu duduk membelakangiku. Dia berkebaya merah dan berkain batik. Bahunya terhinjut. Baru aku sedar dia menangis. Ada suara lelaki yang membentak-bentak entah marahkan apa atau siapa di luar kamar. Aku senyap-senyap menyusup ke bawah katil. Suara itu makin mendekat dan pintu terbuka dengan kasar. "Celaka kau. Sanggup kau curangi aku dengan si Namin ini?"

Lelaki kasar itu jiranku. Pak Margio (bukan Lelaki Harimau) yang baru seminggu berpindah dari negara seberang, kini tinggal bersebelahan dengan aku dan bapa. Baru aku sedar perempuan berkebaya merah itu adalah isterinya. Tambah sinematik lagi apabila aku lihat bapa menyusul di belakang. Dia cuba menghalang tangan sasa Pak Margio daripada melekat di pipi atau mana-mana bahagian tubuh isterinya itu. Aku keluar dari lokasi persembunyianku. Ketiga-tiga mereka bagai terlupa skrip di pentas.

Perasaanku ketika itu benar-benar kosong. Aku meminta maaf, lalu keluar dari rumah Pak Margio dan pulang ke rumahku. Aku tahu pada saat mereka terdiam melihat aku yang datang entah dari mana-mana itu, aku mempunyai kuasa untuk mengubah takdir. Contohnya, aku menyelamatkan sepasang mata bapa dan dia akan muncul di kedai menguruskan Besok seperti kebiasaannya. Tetapi daripada berasa kekosongan, aku tiba-tiba keletihan. Aku tidak tahu kepenatan itu datangnya daripada apa dan kenapa? Sesuatu yang pasti ialah, biarkanlah takdir menguruskan bapa!

Sebidang Tanah Meraung di Tengah Kota

Sebidang tanah meraung
di tengah kota, dicangkul perasaannya
maruah menjadi hiba —
tapi itulah suara paling senyap
antara deru enjin dan tayar kereta.

Di antara sela menara batu
tanah yang hilang disangka abu.

Sebidang tanah resah
terjajah tanpa pelekat harga
sesiapa sahaja kini —
Dipersilakan memijaknya
kerana ia hanya pasir dan batu
yang tak pernah bersuara memberitahu
inilah tanah yang merdeka
dilepaskan dari gari penjajah
dengan air mata berdarah.

Di antara sela menara batu
tanah yang hilang disangka debu.

Sebidang tanah di tengah kota
adalah peti hati rakyat
yang pantang dipotongkerat
dengan pisau-pisau licik
dari tangan-tangan yang asyik.

Muzaf Ahmad
Batu Pahat

KARNIVAL PENDIDIKAN
TINGGI & KERJAYA
2018
YAB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Dato' Menteri Besar Selangor
YB TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Pendidikan, Pembangunan Modal Insan
Sains Teknologi dan Inovasi
Negeri Selangor
GEMPAK
SELANGOR
GENERASI BERIMPAK
1 - 4 MAC 2018
9 PAGI - 11 MALAM
PERKARANGAN STADIUM MALAWATI
SHAH ALAM.
PELBAGAI AKTIVITI SEPERTI :
- Smart Teachers Motivational Seminar - Pertandingan Catur - Pertandingan Nasyid
- Parenting Skill - Virtual Reality - Cabutan Bertuah - Program Pendidikan Tinggi
SEMUA DIJEMPUT HADIR
JAWATANKUASA TETAP PENDIDIKAN, PEMBANGUNAN MODAL INSAN
SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI SELANGOR

Tonton TVSelangor
selangortv.my

Era baru pengurusan pembersihan awam

MPAJ-KDEBWM jayakan Smart Waste Management

OLEH **HAFIZAN TAIB**

KUALA LUMPUR - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menempuh era baru di dalam pengurusan pembersihan awam dengan penambahbaikan dilakukan KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) berpandukan *Smart Waste Management*.

Pengurus Besar KDEBWM, Ramli Tahir berkata, pihaknya menggunalan 85 lori Armroll baru dilengkapi sistem canggih seperti sistem GPS Tracking dan tong RORO.

"Lori Armroll ini akan dipantau pergerakannya melalui penggunaaan *Vehicle Monitoring System* (VMS) dikawal selia secara berpusat di *Centralized Command Center* (CCC) KDEBWM di ibu pejabat KDEBWM, di Shah Alam.

"Penggunaan kenderaan baru ini berjaya menyelesaikan isu tipikal sering dihadapi kontraktor seperti kekurangan lori di lapangan, lori lama yang uzur serta lori sering kali rosak," katanya.

Beliau berkata, KDEBWM juga memperkenalkan dua unit baru jentera *Road Sweeper* dilengakapi VMS yang akan diguna pakai sub kontraktor bagi kerja pembersihan awam buat julung kali, di Ampang Jaya.

"Di samping itu, katanya, penggunaan aplikasi iClean Selangor dibangunkan KDEBWM bertujuan memudahkan masyarakat menyalurkan aduan berkaitan yang boleh dimuat turun melalui aplikasi Android atau iOs.

"Selain memudahkan penyaluran aduan dengan penggunaan aplikasi ini aduan dapat diuruskan atau diselesaikan dalam tempoh masa 24 jam," katanya.

Road Sweeper dilengakapi VMS diguna pakai sub kontraktor bagi kerja pembersihan awam buat julung kali di Ampang Jaya

Majlis Menandatagani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam di antara MPAJ dan KDEBWM yang berlangsung, di sini, pada 24 Februari lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Negeri, Dato' Iskandar Abdul Samad mewakili Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baru, Ean Yong Hian Wah; Ketua Pegawai Eksekutif Pemerbadanan Menteri Besar Selangor, Raja Shahreen Raja Othman dan Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain.

KDEBWM memulakan perkhidmatan di MPAJ bagi kerja kutipan sampah domestik mulai 1 Mac tahun lalu dan bagi pembersihan awam (1 Disember tahun lalu).

MPAJ adalah PBT kedua bersama Majlis Perbandaran Selayang yang mendapatkan perkhidmatan KDEBWM dilantik Kerajaan Negeri sebagai Syarikat Pengurus dan Projek (PMC) selepas kejayaan projek perintis di Majlis Perbandaran Klang, pada 1 Julai 2016.

Tingkat kualiti kebersihan

KUALA LUMPUR - KDEB Waste Management Sdn Bhd (KDEBWM) berjaya menstabilkan operasi kutipan sampah dan pembersihan awam dalam tempoh singkat dan prestasi baik itu diharapkan mampu terus dipertingkat.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Abd Hamid Hussain berkata, anak syarikat Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan pihaknya dalam memastikan kawasan Ampang Jaya bersih dan harmoni dengan tindakan efisien juga bertindak pantas menyelesaikan aduan diterima tanpa mengira waktu.

"Statistik aduan dari semasa ke semasa semakin menurun dan diuruskan atau diselesaikan, dalam tempoh 24 jam.

"Sehingga kini statistik keseluruhan diterima MPAJ mengenai kutipan sisa pepejal domestik dan pembersihan awam bagi tahun lalu adalah 1,178 dan daripada jumlah itu 1,138 dapat diselesaikan serta 40 lagi dalam peringkat penyelesaian.

"Sehingga Januari lalu, 70 aduan diterima dan sudah diselesaikan," katanya.

KDEBWM memulakan perkhidmatan di MPAJ bagi kerja kutipan sampah domestik mulai 1 Mac tahun lalu dan bagi pemberihan awam (1 Disember tahun lalu).

MPAJ adalah PBT kedua bersama Majlis Perbandaran Selayang mendapatkan perkhidmatan KDEBWM dilantik Kerajaan Negeri sebagai Syarikat Pengurus dan Projek (PMC) selepas kejayaan projek perintis, di Majlis Perbandaran Klang, pada 1 Julai 2016.

Abd Hamid (kiri) bersalaman bersama Pengurus Besar KDEBWM, Ramli Tahir selepas menandatagani Perjanjian Perkhidmatan Pengurusan Pembersihan Awam MPAJ-KDEBWM, pada 24 Februari lalu

KOLEKSI
HARTANAH
PKNS 2018

ANGGUN KIRANA ALAM NUSANTARA
ANGGUN KIRANA
ALAM NUSANTARA
Rumah Superlink 3 Tingkat

23 FEB - 4 MAC 2018
10 pg - 10 mlm • SACC MALL Shah Alam

NIKMATI INSENTIF SEHINGGA 20%*

HIJAUAN ENKLAF PRESTIJ SERIES
HIJAUAN ENKLAF
ALAM NUSANTARA
Rumah Berkembar Eksklusif
3 Tingkat

OPAL RESIDENCE
OPAL RESIDENSI
SHAH ALAM
Pangsapuri Moden

Bayu Malawati a nature living
BAYU MALAWATI
KUALA SELANGOR
Rumah Teres 2 Tingkat

ALAM NUSANTARA
Antara Gapi
KOTA PUTERI
Bernam Jaya Gerbang Utara Selangor
SELANGOR cyber VALLEY

* Tertakluk kepada Terma dan Syarat

www.pkns-property.com

54 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan... Merealisasi Impian

PKNS
WINNER OF THE PRESTIGIOUS BCI ASIA TOP 10 PROPERTY DEVELOPERS AWARD 2 YEARS RUNNING
TOPTEN DEVELOPERS 2011 • 2012
In Praise of Excellence International Business Review AWARDS 2009
AWARD Best SEDC 2010
Brand Laureate Top 10 Masters Award
Global Leadership Awards 2011
Malaysian Reserve editors choice 12 Property Awards

untuk maklumat lanjut
03 5525 0300

Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Utara, Tingkat 2, Kompleks PKNS Shah Alam, Persiaran Tasik, 40505 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

BAYU MALAWATI • No lesen pemaju : 9062-98/03-2019/0227 (L) • Tarikah sah : 30/03/2017 - 29/03/2019 • No permit iklan & jualan : 9062-98/03-2019/0227 (P) • Tarikah sah : 30/03/2017 - 29/03/2019 • Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan : Majlis Daerah Kuala Selangor • No kelulusan pelan : Bil(17)dlm. MDKS 280/4/7/2014 • Bertarikh : 09 February 2015 • Tarikh jangka siap : Disember 2017 • Satus hakmilik : Pajakan selama 99 tahun, tempoh berakhir pada 22 Oktober 2108 • Bebanan tanah : Tiada • Jenis rumah : Rumah Link 2 tingkat • Bilangan unit : 104 • Harga Minima : RM499,000 - Maksima: RM597,200 • Sekatan-sekatan kepentingan : Tanah yang diberi hakmilik tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindah milik melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri.

Walaupun perhatian sewajarnya telah diambil dalam penyediaan risalah ini, pihak pemaju tidak bertanggungjawab atau sebarang ketidaktepatan. Informasi yang terkandung di sini ini tidak boleh dianggap sebahagian daripada sesuatu tawaran atau kontrak dan tertakluk kepada perubahan dan pindaan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau seperti yang dicadangkan oleh Arkitek dan Jurutera.

Tonton TVSelangor
selangortv.my

JAIS komited

Lahirkan guru KAFA berkualiti

OLEH **NORHAYATI UMOR**

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) terus komited melahirkan guru KAFA berkualiti dalam perkhidmatannya untuk mendidik generasi Islam.

Pengarahnya, Dato' Haris Kasim berkata, langkah itu akan dipastikan menerusi latihan dan kursus diikuti mereka bagi memastikan keupayaan serta profesionalisme sentiasa dipertingkatkan.

Katanya, ia seiring pendewasaan pendidikan alaf baru yang menuntut peningkatan kualiti perkhidmatan guru terbabit.

"Kepantasan perubahan dunia pendidikan, sains dan teknologi memberi impak besar kepada perkembangan pelajar.

"Dunia tanpa sempadan antara cabaran yang wajib digalas supaya tidak ketinggalan dalam arus pemodenan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Guru KAFA tahun 2017, Meraikan Guru KAFA Bersara dan Jasamu Dikenang 2018.

Pada masa sama, Haris berkata, menjadi tanggungjawab pihaknya melahirkan kakitangan berwawasan, berkualiti dan mempunyai jati diri tinggi supaya mampu menggalas tugas dengan cemerlang.

"Tanggungjawab ini juga supaya profesion perguruan dipandang tinggi ke hadapan.

"Saya juga menyeru guru bersiap siaga dalam menjangka kemungkinan dalam pengurusan pendidikan alaf baru dengan penuh kesabaran seperti terkandung dalam pelan pengurusan risiko JAIS," katanya.

Dalam program itu, seramai 493 penerima Anugerah Perkhidmatan Guru Kafa Cemerlang (APC) menerusi lima kategori berbeza.

Daripada jumlah itu, 320 penerima menerima APC bagi kategori Guru Kafa; seramai 29 menerima APC (Ketua Guru) dan APC penyelia KAFA seramai dua orang.

Manakala, 93 menerima Anugerah Jasamu Dikenang 2018 (khidmat 25 tahun) dan seramai 49 menerima Anugerah Persaraan (60 tahun).

Anugerah disampaikan Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi, di Dewan Jubli Perak, di sini.

Lima sekolah agama Selangor ungguli STAM

SEPANG - Lima daripada 10 Sekolah Agama Bantuan Penuh Kerajaan (SABK) seluruh negara yang diumumkan memperoleh pencapaian terbaik bagi keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2018 adalah sekolah agama, di Selangor.

Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya berkata, kejayaan membanggakan itu diumumkan Kementerian Pendidikan Malaysia, baru-baru ini.

"Ini adalah pencapaian yang sangat membanggakan dan lebih manis lagi apabila Sekolah Agama Menengah Tinggi Tengku Ampuan Jemaah diumumkan mengungguli tempat pertama secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Penutupan Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Negeri Selangor 1439H / 2018M, di Dewan Serbaguna Masjid Fi Sabilillah, Cyberjaya, pada 24 Februari lalu.

Katanya, Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah dan syabas kepada pelajar, ibu bapa dan guru yang berkerja keras untuk meraih kejayaan ini.

Sebelum itu, pada majlis tilawah kali ini seramai 65 peserta daripada sembilan daerah di Selangor memperdengarkan bacaan masing-masing.

Majlis yang berlangsung selama empat hari itu ditutup secara rasmi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

MITS kelima tampung keperluan pelajar

CYBERJAYA - Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan membina sebuah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi (MITS), pada tahun ini.

Pengarah JAIS, Dato' Haris Kasim berkata, pembinaannya bagi memenuhi keperluan pelajar dalam pendidikan aliran agama yang kini mendapat perhatian istimewa ibu bapa.

"Pada tahun lalu, seramai 1,016 pelajar berjaya mendaftar diri di empat MITS, manakala tahun ini berlaku peningkatan apabila 1,031 iaitu 545 pelajar lelaki dan 486 pelajar perempuan mendaftar.

"Dengan peningkatan jumlah permintaan ke MITS, Kerajaan Negeri bersetuju membina MITS kelima, di Pandan, pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata, ketika ini terdapat empat MITS di bawah JAIS iaitu di Jugra, Klang, Sabak Bernam dan Sepang.

Katanya, jumlah kemasukan ke

Tahun ini berlaku peningkatan apabila 1,031 iaitu 545 pelajar lelaki dan 486 pelajar perempuan mendaftar. Dengan peningkatan jumlah permintaan ke MITS, Kerajaan Negeri bersetuju membina MITS kelima di Pandan

DATO' HARIS KASIM
Pengarah JAIS

Sekolah Agama Menengah (SAM) juga menunjukkan peningkatan di Selangor dengan 3,528 pelajar pada tahun ini berbanding 3,456 pelajar tahun lalu dan peningkatan kemasukan itu adalah melebihi berbanding tawaran disediakan JAIS.

Media Selangor
Informasi Terkini di jari anda
App Store Google Play
MUAT TURUN PERCUMA APLIKASI

LZS salur

RM1.2 juta santuni asnaf

OLEH **SHEEDA FATHIL**

PUCHONG - Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyalurkan bantuan zakat sejumlah RM1.2 juta kepada 130 golongan asnaf fakir dan miskin melalui program Bantuan Asas, di daerah Petaling, pada 23 Februari lalu.

Ketua Divisyen Operasi Agihan LZS, Abdul Basith Hamid berkata, ia adalah kesinambungan daripada bantuan lain yang sudah diterima mereka sebelum ini selain memenuhi keperluan asasi asnaf zakat.

"Ia merangkumi bantuan sara hidup, makanan, perlindungan, perubatan dan pendidikan supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih berkualiti.

"Ia dikhususkan pemberian kediaman kepada golongan asnaf fakir dan miskin dengan setiap tahun LZS memperuntukkan RM50 juta bagi menyediakan penginapan kepada mereka,"katanya pada Majlis Keperluan Asasi Asnaf Fakir dan Miskin, di Dewan Pangsapuri Enggang.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya, Zulkurnain Che Ali.

Abdul Basith ditemani Zulkarnain bergambar kenangan bersama antara penerima bantuan Keperluan Asasi Asnaf Fakir dan Miskin

Abdul Basith berkata, sejumlah 26 rumah di Pangsapuri Enggang itu akan menjadi milik golongan asnaf fakir dan miskin berkenaan sebelum Hari Raya Aidilfitri ini.

"Antara syarat yang dikenakan, golongan asnaf fakir dan miskin tidak boleh menjual atau menyewakan rumah berkenaan, selama tempoh 10 tahun. Ini bermakna mereka perlu menetap, di situ.

"Tugas LZS adalah membantu golongan ini daripada segi membayar baki akhir rumah mereka dan membaik pulih kediamannya.

"Selain itu, ia juga selaras dengan usaha pihak LZS untuk memberi keselesaan serta semangat kepada golongan asnaf fakir miskin ini untuk berusaha dan keluar daripada kepompong kemiskinan,"katanya.

Kesedaran pembayar zakat membanggakan

PUCHONG - Kesedaran pembayar zakat di negeri itu amat membanggakan apabila Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima zakat daripada pembayar baharu, setiap tahun.

Ketua Divisyen Operasi Agihannya, Abdul Basith Hamid berkata, LZS mensasarkan kutipan RM730 juta pada 2017, namun berjaya mengutip lebih daripada nilai itu.

"Ia dapat membuktikan bahawa kesedaran umat Islam di negeri ini untuk mengeluarkan zakat kepada institusi yang sah semakin meningkat," katanya.

Abdul Basith berkata, jika pengeluaran zakat bukan dari intitusi sah dikhuatiri pada masa akan datang disalurkan ke saluran yang kurang tepat.

"Saya harap seluruh umat Islam berwaspada apabila membayar zakat dan semoga pembayaran dilakukan, di institusi tepat,"katanya.

Pada masa sama, Abdul Basith berkata, sasaran golongan asnaf fakir dan miskin yang berdaftar tahun ini bakal mencecah 60,000.

"Sasaran untuk mengurangkan golongan itu tiada, namun bagi menjayakannya adalah tugas LZS.

"Kita cuba sedaya upaya membantu golongan ini keluar daripada kepompong kemiskinan dan bakal menjadi pembayar zakat, pada masa akan datang," katanya.

MAPIM-Hijjaz teruskan Misi Bantuan Kecemasan Rohingnya

SHAH ALAM - Delegasi Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) bersama kumpulan nasyid tanah air, Hijjaz meneruskan Misi Bantuan Kecemasan Rohingnya, di kem pelarian Bangladesh, bermula 22 hingga 26 Februari.

Menerusi laman facebooknya, MAPIM memohon rakyat Malaysia mendoakan misi terbabit dipermudahkan.

Selain itu, MAPIM juga menyeru masyarakat prihatin untuk terus menyalurkan sumbangan bagi membantu warga Rohingnya, di sana.

Sumbangan Tabung Rohingnya boleh dibuat menerusi www.danarohingya.com atau terus ke akaun Rohingya Emergency Appeal – MAPIM 2142 5760 0213 72 (RHB Bank)

Terdahulu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu menyifatkan Rohingya sebagai etnik paling teruk dianiaya di dunia dengan krisis penindasan yang dihadapi mereka, selama puluhan tahun.

Sehingga kini, dianggarkan kira-kira w9,000 etnik Rohingya dibunuh rejim Myanmar di Rakhine sejak kempen ketenteraan, pada 25 Ogos lalu.

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Rabu	5:59	6:09	7:23	1:29	4:44	7:29	8:38
01 Khamis	5:59	6:09	7:22	1:28	4:43	7:29	8:38
02 Jumaat	5:58	6:08	7:22	1:28	4:43	7:29	8:38
03 Sabtu	5:58	6:08	7:22	1:28	4:42	7:29	8:38
04 Ahad	5:58	6:08	7:22	1:28	4:42	7:28	8:38
05 Isnin	5:58	6:08	7:21	1:28	4:41	7:28	8:37
06 Selasa	5:57	6:07	7:21	1:27	4:40	7:28	8:37

Sabak Bernam, Kuala Selangor

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Rabu	6:01	6:11	7:25	1:31	4:46	7:31	8:40
01 Khamis	6:01	6:11	7:24	1:31	4:46	7:31	8:40
02 Jumaat	6:01	6:11	7:24	1:30	4:45	7:31	8:40
03 Sabtu	6:00	6:10	7:24	1:30	4:45	7:31	8:40
04 Ahad	6:00	6:10	7:23	1:30	4:44	7:31	8:40
05 Isnin	6:00	6:10	7:23	1:30	4:43	7:31	8:40
06 Selasa	6:00	6:10	7:23	1:30	4:43	7:30	8:39

Klang dan Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Rabu	5:59	6:09	7:24	1:29	4:44	7:30	8:39
01 Khamis	5:59	6:09	7:23	1:29	4:43	7:30	8:39
02 Jumaat	5:59	6:09	7:23	1:29	4:43	7:30	8:39
03 Sabtu	5:58	6:08	7:23	1:29	4:42	7:29	8:39
04 Ahad	5:58	6:08	7:23	1:28	4:41	7:29	8:38
05 Isnin	5:58	6:08	7:22	1:28	4:41	7:29	8:38
06 Selasa	5:58	6:08	7:22	1:28	4:40	7:29	8:38

Tonton TVSelangor
selangortv.my

1,200 terima ang pow

PEKAWANIS rai masyarakat Cina

OLEH **SYAZWANI SUFIAN**

SHAH ALAM - Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (PEKAWANIS) menyampaikan sumbangan RM152,100 kepada 1,200 penerima dalam kalangan masyarakat Cina, di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

Pengerusinya, Datin Seri Shamshida Taharin berkata, sumbangan itu diberikan sempena sambutan Tahun Baharu Cina untuk 33 DUN dan enam Parlimen.

"Mereka menerima *ang pow* wang tunai RM100 seorang.

"Program ini diadakan sebagai tanda keprihatian Kerajaan Negeri kepada setiap kaum yang menyambut perayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Sambutan dan Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina, di Kediaman Rasmi Menteri Besar Selangor, pada 25 Februari lalu.

Seramai 300 masyarakat Cina daripada lapan kawasan antaranya dari Parlimen Gombak, DUN Bukit Antarabangsa, DUN Batu Caves, DUN Sungai Pinang, DUN Dusun Tua dan DUN Meru hadir, pada program terbabit.

Shamsida beramah mesra dengan sebahagian penerima sumbangan sempena Tahun Baharu Cina anjuran PEKAWANIS

Shamshida berkata, tahun lalu pihaknya juga menyampaikan sumbangan kepada 1,140 penerima dengan peruntukan RM148,200.

"Setiap tahun PEKAWANIS terus komited membantu golongan sasaran menerusi pelbagai program dianjurkan.

"Kita akan terus merangka pelbagai program kebajikan khususnya bagi membantu kurang upaya bagi meringankan beban rakyat," katanya.

APA KATA MEREKA

1,200 penerima dalam kalangan masyarakat Cina menerima ang pow RM100 setiap seorang daripada PEKAWANIS. Ia sebagai tanda keprihatian Kerajaan Ne-geri kepada setiap kaum yang menyambut perayaan.

Dengan bantuan ini, saya dapat gunakan untuk menambah perbelanjaan yang telah digunakan ketika menyambut Tahun Baharu Cina

Michelle, 38

Program seperti ini perlu diteruskan kerana ia membantu mengembirakan selain meringankan beban masyarakat di Selangor

Teh Liang Pen, 53



250 ibu bapa sertai seminar perlindungan kanak-kanak

Daroyah (tengah) bergambar bersama sebahagian peserta Seminar Perlindungan Kanak-kanak Selangor anjuran IWB

AMPANG - Seramai 250 peserta menghadiri Seminar Perlindungan Kanak-kanak Selangor anjuran Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor di Kelab Darul Ehsan, pada 25 Februari lalu.

Seminar dirasmikan Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Daroyah dalam ucapannya berkata, Kerajaan Negeri dan IWB sentiasa merangka program mengikut keperluan masyarakat.

"Melalui program seumpama ini, kita dapat memberikan pendedahan dan pendidikan kepada masyarakat.

"Seminar ini juga memupuk konsep 'jaga tepi kain orang' yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan bermasyarakat, di sekeliling kita.

"Saya juga melihat banyak kupasan menarik dikongsikan. Diharapkan seminar ini dapat memberi manfaat kepada ibu bapa," katanya.

Seminar berlangsung sehari itu membabitkan ibu bapa daripada pelbagai latar belakang masyarakat.

YIDE bantu Maahad Tahfiz terbakar

DENGKIL - Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) menyampaikan sumbangan *Ad-Hoc* wang tunai kepada Tahfiz Madrasatul Quran Al-Ridzuan yang terbakar, baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan Pengurus Operasi Bahagian Kebajikan dan Publisiti YIDE, Md Arifin Jaafar, di tapak kejadian.

Md Arifin berkata, sumbangan itu adalah inisiatif YIDE dan Kerajaan Negeri bagi meringankan beban pihak tahfiz.

"Dengan memberi bantuan ini, kita berharap ia dapat me-ringankan beban Maahad Tahfiz terjejas akibat musibah ini," ka-tanya.

Pada 19 Februari lalu, kira-kira 90 peratus daripada ke-seluruhan bangunan Madrasatul Quran Al-Ridzuan hangus dijilat api.

Tiada kecederaan dilaporkan dan punca kebakaran masih disiasat.

Bangunan itu baru sahaja dicat semula dan digantikan bumbung baharu kira-kira dua bulan lalu untuk dijadikan penempatan sementara pelajar tahfiz berkenaan kerana bangunan Madrasatul Quran Al-Ridzuan sebelum ini terbabit dalam kebakaran, pada Januari 2016.

PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (1082296-U)

KENYATAAN TAWARAN

Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd mempelawa Kontraktor-kontraktor yang memiliki syarat - syarat pendaftaran seperti di bawah untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

Bil.	Perihal Kerja / No. Tender / Harga Dokumen	Syarat Pendaftaran	Tarikh Jual Dokumen / Tutup Tender	Pegawai Untuk Dihubungi (DIWAJIBKAN)
1.	**PACKAGE 1 – INSTALLATION OF PRESSURE REDUCING VALVE (PRV) AND RELATED ACCESSORIES AT FOUR (4) LOCATION IN PETALING REGION** **No. Tender: AIS/NRW/T4/2/2018** **Harga Dokumen*: RM318.00**	**1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** **Gred- Minimum G3** **Kategori- CE** **Pengkhususan- CE20 (Sistem Bekalan Air)** **DAN** **2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** **Minimum Permit IPA Jenis C3 (Bekalan Air)**	Tarikh Jual Dokumen **2 / 3 / 2018 hingga 9 / 3 / 2018** Tarikh Tutup Tender **19 / 3 / 2018**	Tarikh & Masa **2 / 3 / 2018, Jumaat, 10.00 pagi** Tempat Berkumpul: **Pejabat Wilayah Petaling** Pegawai Untuk Dihubungi **1. En. Md Hairi Boeran (No.h/p: 017-700 0534)** **2. Cik Nor Maizatul Akmar (No.h/p: 019-655 0439)**
2.	**PACKAGE 2 – INSTALLATION OF PRESSURE REDUCING VALVE (PRV) AND RELATED ACCESSORIES AT FOUR (4) LOCATION IN HULU SELANGOR, SABAK BERNAM AND KLANG REGION** **No. Tender: AIS/NRW/T5/2/2018** **Harga Dokumen*: RM318.00**	**1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** **Gred- Minimum G4** **Kategori- CE** **Pengkhususan- CE20 (Sistem Bekalan Air)** **DAN** **2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** **Minimum Permit IPA Jenis C3 (Bekalan Air)**	Tarikh Jual Dokumen **2 / 3 / 2018 hingga 9 / 3 / 2018** Tarikh Tutup Tender **19 / 3 / 2018**	Tarikh & Masa **1 / 3 / 2018, Khamis, 10.00 pagi** Tempat Berkumpul: **Pejabat Wilayah Sabak Bernam** Pegawai Untuk Dihubungi **1. En. Md Hairi Boeran (No.h/p: 017-700 0534)** **2. Cik Nor Maizatul Akmar (No.h/p: 019-655 0439)**
3.	**VALVE MAINTENANCE & APPURTANCES WORKS FOR DISTRIBUTION FOR NORTHERN AND SOUTHERN ZONE** **No. Tender: AIS/OS/T3/2/2018** **Harga Dokumen*: RM530.00**	**1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)** **Gred- Minimum G4** **Kategori- CE** **Pengkhususan- M15 atau M20 atau CE20** **DAN** **2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** **Minimum Permit IPA Jenis C2 atau D (Bekalan Air)**	Tarikh Jual Dokumen **2 / 3 / 2018 hingga 13 / 3 / 2018** Tarikh Tutup Tender **22 / 3 / 2018**	Tarikh & Masa **1 / 3 / 2018, Khamis, 10.00 pagi** Tempat Berkumpul: **Tingkat 8, Wisma Pantai (Tower B), Plaza Pantai, Jalan 4/83A, Jalan Pantai Bharu, Kuala Lumpur** Pegawai Untuk Dihubungi **1. En. Mohamed Fazilin (No.h/p: 019-281 8452)** **2. En. Mohd Ariff Majid (No.h/p: 017-397 4432)**
4.	**SUPPLY AND DELIVERY OF CHEMICALS TO WATER TREATMENT PLANTS IN SELANGOR AND FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA** **No. Tender: AIS/PROD/T12/1/2018** **Harga Dokumen*: RM1,060.00**	**1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** **Kod bidang:** **a) 060103 – Kimia Memproses Air, ATAU** **b) 060199 - Pembuat** **DAN** **2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)** **Mempunyai penyenaraian produk dengan SPAN**	Tarikh Jual Dokumen **6 / 3 / 2018 hingga 12 / 3 / 2018** Tarikh Tutup Tender **21 / 3 / 2018**	Tarikh & Masa **5 / 3 / 2018, Isnin, 10.30 pagi** Tempat Berkumpul: **Bilik Taklimat, Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih, Presint 19, 62150 Putrajaya** Pegawai Untuk Dihubungi **1. En. Khairul Fazri Rani (No.Tel. 03-5035 2203)** **2. Pn. Maryam Zahidah Mohd Noor (No.Tel. 03-2088 5470)**

1. Naskhah Meja Tender akan dipamerkan mulai tarikh dokumen dijual pada waktu pejabat **(8.30 Pagi hingga 5.30 Petang, Waktu Rehat 1.00 Petang hingga 2.00 Petang)** di **Jabatan Perolehan, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Tingkat 32, TM Annexe 2, Jalan Pantai Jaya, Off Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur**. Sila hubungi **No. 03-2088 5798 / 5385** untuk sebarang pertanyaan urusan pembelian dokumen tender.

2. Dokumen dijual secara **'softcopy'** dan **tuan/puan dikehendaki membawa pen drive yang bebas dari virus** bagi pembelian dokumen tersebut. Sekiranya pentender **tidak membawa pen drive, caj bayaran akan dikenakan sebanyak DUA KALI GANDA HARGA TENDER** untuk pembelian secara **'Hardcopy'**.

3. Setiap petender hanya dibenarkan membeli satu Dokumen Tender dan mengemukakan **satu tawaran sahaja berbentuk 'Hardcopy'**.

4. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat pembayaran secara **Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Draf Bank** yang dibuat atas nama **SYARIKAT BEKALAN AIR SELANGOR SDN BHD** sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan **pembayaran secara tunai tidak diterima**.

5. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada wakil syarikat/kontraktor yang sah sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil syarikat/kontraktor **DIWAJIBKAN** membawa s**urat pengesahan sebagai wakil sah dari syarikat/kontraktor** bersama **sijil asal** berkaitan di atas **berserta salinannya**.

6. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan pada tarikh tender ditutup di alamat :

Jabatan Perolehan,
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.,
Tingkat 32, TM Annexe 2,
Jalan Pantai Jaya, Off Jalan Pantai Baharu,
59200 Kuala Lumpur

pada hari tersebut **tidak lewat dari jam 3.00 petang** pada tarikh tutup tersebut.

7. Maklumat mengenai kenyataan tawaran ini boleh diakses melalui laman web **https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1**

Walaupun notis Tender ini dikeluarkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., penganugerahan kepada penender yang berjaya untuk kerja-kerja/pembekalan yang disebutkan di atas juga boleh diberikan oleh mana-mana anak syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

*Harga dokumen tender termasuk 6% Cukai Barangan & Perkhidmatan (CBP)/*Goods & Services Tax (GST)*.

Prec Selangor Strongestman and Woman 2017

MSA nafi Kerajaan Negeri tak bayar

OLEH **HAFIZAN TAIB**

SHAH ALAM - Persatuan Orang Kuat Malaysia (MSA) menafikan Kerajaan Negeri tidak membayar peruntukan program Prec Selangor Strongestman and Woman 2017.

Presidennya, Zainurizzaman Moharam Zack Rstar berkata, dakwaan pihak tertentu berhubung perkara itu adalah tidak benar kerana Kerajaan Negeri memberi kerjasama penuh dalam penganjuran program berkenaan.

"Saya berasa terkilan kerana ada pihak lain tidak memahami proses dan terbabit dengan perbincangan berhubung isu ini memainkan serangan juga sentimen tidak tepat sehingga menimbulkan fitnah.

"Kenyataan ini dibuat bagi membersihkan nama Kerajaan Negeri juga Exco Sukan, Amirudin Shari, yang banyak membantu Selangor Strongestman sejak 2015, manakala PKNS Real Estate Sdn Bhd selaku penganjur utama dan penaja lokasi pertandingan serta saya sendiri bersama jenama Selangor Strongestman yang mula mendapat tempat dalam kalangan penggiat bina badan juga orang kuat," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, hasil perbincangan bersama Amirudin pada awal Januari lalu membabitkan sejumlah peruntukan yang diluluskan bagi tujuan itu dan perkara berkenaan dianggap selesai.

Katanya, ia berbeza dengan situasi awal apabila dana Kerajaan Negeri habis disalurkan sepanjang tahun lalu dan akaun kewangan negeri juga melepasi tempoh proses ditetapkan.

"Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap memberikan komitmen penuh untuk penggunaan jata Selangor, promosi melalui akhbar dan media sosial SelangorKini serta perkara lain berkaitan," katanya.

PKNS FC sokong FAM jayakan Liga M

SHAH ALAM - PKNS FC sentiasa komited dan menyokong segala usaha Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) bagi memastikan Liga Malaysia (Liga M) dijalankan secara profesional.

Presidennya, Siti Zubaidah Abd Jabar berkata, pihaknya menyambut baik sebarang pembaharuan direncanakan dan menghormati Perkongsian Terhad Liabiliti Bola Sepak Malaysia (FMLLP) yang mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP).

"PKNS FC adalah pasukan pertama mengesahkan penyertaan Liga Super 2018 dan sebelum ini tidak pernah gagal dalam mematuhi peraturan ditetapkan.

"Kita mengambil iktibar daripada isu ini dan komited untuk meningkatkan kompetensi pengurusan kelab pada masa akan datang selaras dengan aspirasi FAM untuk mentadbir kelab secara profesional," katanya dalam kenyataan.

Kita mengambil iktibar dari isu ini dan komited untuk meningkatkan kompetensi pengurusan kelab di masa akan datang selaras dengan aspirasi FAM untuk mentadbir kelab secara profesional

SITI ZUBAIDAH
Presiden PKNS FC

Beliau berkata, PKNS FC menghargai kerjasama FMLLP bagi menyelesaikan perkara berkaitan pendaftaran pasukan dan sudah mengemukakan dokumen berkaitan kepada FMLLP, pada 19 Februari lalu.

"Dengan rendah hati, kita memohon maaf di atas kesulitan yang timbul kepada pentadbir bola sepak Malaysia dan sentiasa menyokong usaha Presiden FAM, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim, untuk memastikan Liga M berjalan secara profesional," katanya.

Siti Zubaidah mengesahkan PKNS FC menerima e-mel daripada FMLLP, 15 Februari lalu, berhubung pengesahan pendaftaran pasukan membabitkan borang seperti Surat Selesai Bayaran/Tunggakan Gaji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perkeso, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan denda.

Baru-baru ini, FMLLP memaklumkan PKNS FC bersama Selangor adalah dua pasukan daripada Liga Super yang melengkapkan pendaftaran selepas tarikh ditetapkan selain MIFA dan UKM FC daripada Liga Perdana.

Dua pasukan lain daripada Liga Super, Kelantan dan Kuala Lumpur gagal melengkapkan dokumen pendaftaran bersama empat pasukan Liga Perdana, Sarawak, Pulau Pinang, Kuantan FA dan PDRM.

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan
Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985